



Enam anak yatim bakal
dapat rumah baharu 9



Status OKU bukan
penghalang bertani

18

Kalau boleh, Melaka masuk Fasa 2 PPN Ogos ini - YB Rahmad

✓ Bagaimana kehidupan seharian
Exco Kesihatan
semasa pandemik COVID-19

BERITA PUENUH MUKA 2 & 3



KEMPEN WAKAF 1.5 JUTA NASKAH AL QURAAN BESERTA SANAD ILMU MUKJIZAT AL QURAAN

NASKAH AL QURAAN YANG TELAH DIWAKAFKAN AKAN DIAGIHKAN KEPADA



PESANTREN

PONDOK

MADRASAH

AKADEMI AL QURAAN

MAAHAD TAHFIZ

PUTUS PENGAJIAN AL QURAAN

INSTITUT AL QURAAN

KOLEJ AL QURAAN

DI DALAM DAN LUAR NEGARA

PAKEJ INDIVIDU
RM 25 / 1 NAMAPAKEJ SOLIHEEN
RM 125 / 5 NAMAPAKEJ ULUL ILMI
RM 255 / 10 NAMAPAKEJ ULUL ALBAB
RM 555 / 15 NAMA

Liana Sahabudin

BIARPUN negara berdepan dengan serangan wabak pandemik COVID-19, namun itu bukan alasan bagi seorang pemimpin untuk turun padang melihat sendiri permasalahan yang dihadapi rakyat.

Wartawan Melaka Hari Ini (MHI) pada 21 April lepas berkesempatan mengikuti Exco Kesihatan dan Antidadah negeri Datuk Rahmad Mariman untuk merasai sendiri pengalaman sehari bersama beliau.

Ternyata bukan mudah untuk menjadi seorang pemimpin, seawal jam 9 pagi beliau sudah bersiap sedia untuk melaksanakan aktiviti harian buat masyarakat setempat.

AKTIVITI BERMULA JAM 10 PAGI

Selesai sarapan pada jam 9.30 pagi, Rahmad menunggu ketibaan pembantunya untuk memulakan tugas harian berjumpa dengan penduduk kampung.

Aktiviti dimulakan pada jam 10 pagi dengan melawat kawasan-kawasan pengagihan daging lembu korban sempena Hari Raya Aidiladha di Kampung Bukit Durian.

Ketibaan Rahmad ternyata memberi kegembiraan kepada penduduk kampung, sikap beliau yang ramah mesra dan mudah terseiyum memberi keselesaan kepada masyarakat di kampung itu.

Tidak hanya ringan mulut, malah Rahmad turut membantu penduduk setempat membuat persiapan pengagihan daging korban tersebut.

Pelbagai soalan diajukan kepada penduduk kampung bagi memastikan segala permasalahan yang dihadapi dapat didengari dan diselesaikan.

AGIHAN BANTUAN KIT MAKANAN

Bukan hanya melihat proses



RAHMAD (kiri) menyerahkan katil kepada salah seorang penerima di Rumah Awam Ayer Molek. Foto MR Azli

24 JAM BERSAMA EXCO KESIHATAN

Turun padang, bantu rakyat harungi pandemik



RAHMAD (kanan) melawat seorang penduduk, Zaini Abdul Rahman, 46, (kiri) yang mengalami masalah kesihatan selepas menyampaikan sumbangan kit makanan di Solok Bakar Batu, Kampung Kandang, pada 21 Julai lepas. Foto MR Azli

pengagihan daging lembu korban, malah Rahmad tidak lepas tangan menyalurkan sumbangan kit makanan sekitar jam 11.30 pagi kepada penduduk yang menjalani kuarantin di rumah.

Sumbangan itu bagi memastikan penduduk yang tidak dapat keluar akibat jangkitan COVID-19

menerima bantuan makanan yang mencukupi biarpun terpaksa berkurung di dalam rumah.

Sikap dan keprihatinan beliau yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Molek itu ternyata menyenangkan penduduk di dalam DUN pentadbirannya.

Sewaktu berjumpa penduduk yang menjalani kuarantin di rumah, Rahmad sempat memberi kata-kata semangat dan berpesan supaya sentiasa menjaga diri kerana virus COVID-19 boleh membawa maut.

BANTU MELAPAH DAGING KORBAN

Siapa kata pemimpin ramai yang bersikap angkuh dan sompong, ini dibuktikan sendiri Rahmad apabila beliau bersama penduduk kampung melakukan aktiviti melapah daging korban.

Setibanya di Masjid Al-Muhtadin Bukit Kecil Paya Dalam pada jam 12 tengah hari, Rahmad dipelawa untuk menjamu selera bersama kariah masjid tersebut.

Selesai menjamu selera, tanpa disuruh anak jati dari Kampung Surau Batu, Paya Dalam ini meneruskan aktiviti melapah daging lembu korban dengan kebolehan yang ada.

Seusai itu Rahmad turut memantau kawasan kampung bagi melihat kerja-kerja menurap jalan di Kampung Paya Dalam.

Peluang yang ada digunakan Rahmad menunjukkan kebolehannya membawa traktor dan jentolak untuk menurap jalan di kampung itu.

Ternyata kebolehan beliau bukan hanya sebagai pemimpin, malah pelbagai bidang mampu dilakukannya tidak mengira masa dan tempat.

Kira-kira jam 1 petang aktiviti pada sebelah pagi telahpun diselsaikan dan disambung pada sebelah petang bagi memberi ruang kepada beliau menuaikan solat Zuhur dan Asar di rumahnya.

AGIHAN DAGING KORBAN PADA KETUA CAWANGAN

Pada jam 5 petang aktiviti diteruskan dengan memberi sumbangan daging korban kepada ketua-ketua cawangan DUN Ayer Molek.

Sumbangan itu diberikan bagi memastikan setiap ketua cawangan dapat mengagihkan daging korban kepada penduduk di DUN tersebut.

Setiap penduduk akan menerima satu pek daging korban seberat 500 gram sempena Hari Raya Aidiladha.

Selesai agihan di Japerun Ayer Molek, Rahmad berkesempatan untuk mengagihkan daging korban di tapak pembinaan Paya Dalam kepada pekerja-pekerja asing yang beragama Islam.

Seramai 20 pekerja asing di tapak pembinaan itu diberikan satu pek daging korban setiap seorang untuk menyambut Hari Raya Aidiladha.

Menurut Rahmad golongan pekerja asing itu tidak patut dipinggirkan kerana mereka juga saudara sesama Islam yang perlu merasai kesenangan yang ada.

Kesemua aktiviti selesai sepenuhnya kira-kira jam 7 petang sebelum Rahmad berangkat pulang untuk menuaikan solat Maghrib di rumahnya.

WAKTU SOLAT

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat seseorang lelaki secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.

26 Julai 2021 - 01 Ogos 2021 (16 Zulhijjah 1442H - 22 Zulhijjah 1442H)

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
26 JULAI 2021	5.59 am	7.11 am	1.20 pm	4.43 pm	7.26 pm	8.39 pm
27 JULAI 2021	5.59 am	7.11 am	1.20 pm	4.43 pm	7.26 pm	8.39 pm
28 JULAI 2021	5.59 am	7.11 am	1.20 pm	4.42 pm	7.26 pm	8.39 pm
29 JULAI 2021	5.59 am	7.11 am	1.20 pm	4.42 pm	7.26 pm	8.39 pm
30 JULAI 2021	5.59 am	7.11 am	1.20 pm	4.42 pm	7.26 pm	8.38 pm
31 JULAI 2021	6.00 am	7.11 am	1.20 pm	4.42 pm	7.26 pm	8.38 pm
01 OGOS 2021	6.00 am	7.11 am	1.20 pm	4.41 pm	7.25 pm	8.38 pm

Melaka diharap beralih Fasa Dua PPN Ogos ini – Rahmad

KERAJAAN Melaka telah mencapai satu indikator untuk beralih kepada Fasa Dua Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang dilihat berpeluang dicapai bulan depan.

Datuk Rahmad Mariman berkata, indikator yang dicapai itu meliputi suntikan vaksin COVID-19 sebanyak 10 peratus bagi kedua-dua dos di negeri ini.

Menurutnya, bagaimanapun dua indikator lagi belum dicapai bagi kadar jangkitan harian sebanyak 114 kes dan penggunaan katil di unit rawatan rapi (ICU) di bawah 70 peratus.

"Indikator pertama kita dah capai, indikator ketiga kadar penggunaan katil harian pula akan menurun sebab kita ada pertambahan katil harian daripada wad ICU Hibrid.

"Kita boleh menurunkan kes-kes ICU, cuma yang menjadi kebimbangan kita adalah jangkitan harian."

"Kalau boleh Melaka, bulan depan kita boleh beralih ke Fasa Dua".

katanya.

Jelas Rahmad setakat ini jangkitan harian dalam kalangan tahanan penjara atau Imigresen tidak diambil kira bagi peralihan fasa dua tersebut.

"Tetapi masih ada kes jangkitan dalam kalangan komuniti dan sektor industri itu yang kita sedang pergiatkan.

"Sebab itu kita lakukan 'mass screening' di kawasan industri yang kita beri tumpuan seperti di Ayer Keroh hingga mencecah 800 kes.

"Kita boleh menurun bergantung kepada angka nilai am-bang, ada negeri yang beralih ke fasa dua, kesnya naik semula tapi negeri itu tidak akan beralih semula kepada fasa satu," katanya.

Untuk rekod lapan negeri telah beralih ke fasa dua PPN setakat ini iaitu Perlis, Perak, Pahang, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.



RAHMAD



PKRC MITC mula menerima kemasukan pesakit COVID-19 kategori 3 dan 4 selain bagi menampung kepadatan pesakit di Hospital Melaka.

PKRC MITC terima pesakit kategori 3 dan 4

SUSULAN penangguhan pembukaan Hospital Medan, PKRC MITC mula menerima kemasukan pesakit COVID-19 kategori 3 dan 4 selain bagi menampung kepadatan pesakit di Hospital Melaka.

Datuk Rahmad Mariman berkata, setakat ini lebih 10 pesakit kategori itu telah dimasukkan di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) MITC sejak dua minggu yang lalu.

"Hasrat Melaka untuk membangunkan sebuah Hospital Medan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Jasin ditangguhkan kerana kekangan pihak ATM dari segi aset dan kakitangan yang sudah mencapai tahap maksimum.

"Jadi kita ambil langkah mempertingkatkan kapasiti di PKRC MITC untuk merawat kes-kes kategori 3 dan 4," katanya.

Jelasnya, untuk permulaan PKRC MITC akan menerima seramai 30 pesakit daripada kategori itu.

"Selama ini di PKRC MITC kita merawat kategori 1 dan 2, dalam seminggu ke dua minggu lepas kita dah mula merawat pesakit kategori 3, selepas ini kita akan rawat kategori 3 dan 4.

"Ada juga cadangan di tempat lain, tapi jabatan kesihatan sarankan lebih sesuai di PKRC MITC dengan kemudahan rawatan serta pakar-pakar perubatan yang ada di situ", katanya.

Jelas Rahmad, kerajaan negeri akan menyediakan fasiliti yang hampir sama dengan hospital di PKRC MITC.

"Pihak ATM sedia membantu dari segi consulting bagaimana untuk mengangani isu-isu yang berkaitan dengan kes COVID-19.

"Kita pun tahu majoriti pesakit kategori 3 dan 4 adalah menggunakan bantuan alat pernafasan," katanya.

Katanya bagaimanapun hospital lain seperti di Hospital Jasin dan Alor Gajah turut dipertingkatkan fasiliti bagi merawat kes-kes COVID-19.

"Begitu juga hospital-hospital swasta kita akan mula menghantar pesakit COVID-19 untuk diberikan rawatan.

Pada 20 Julai lepas, Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali memberitahu media penangguhan pembukaan Hospital Medan berikutnya segala aset ATM telah habis digunakan untuk keperluan negeri Selangor paling kritikal dibadai COVID-19 ketika ini.

Rakyat kini dibenar rakam video terima vaksin – KJ

PUTRAJAYA – Penerima vaksin kini dibenar merakam video ketika menerima suntikan vaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV).


Kebenaran itu diberikan Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin.

"Ini kebenaran daripada saya dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba. Sekarang penerima boleh videokan suntikan vaksin mereka supaya mereka dan kita ada bukti mengenai proses vaksinasi itu.

"Saya harap perkara (kekeliruan) ini dapat selesai di sini sebab saya tidak mahu ia menganggu kesungguhan petugas barisan hadapan dalam melaksanakan tugas mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media mingguan Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) PICK bersama Dr Adham di sini pada 23 Julai lepas.

Menurut Khairy, selain kebenaran baharu itu, pemberi vaksin juga perlu memastikan amalan SOP sedia ada iaitu menunjuk penerima vaksin picagari yang sudah diisi dengan kuantiti vaksin sempurna sebelum suntikan.



Infografik : Melaka Hari Ini Sumber : www.vaksincovid.gov.my dan Twitter Dr Adham Baba (Menteri Kesihatan Malaysia)

Perkhidmatan awam akan terus diperkemas - KM

Faiz Hasan

SERI NEGERI – Prosedur dan sistem perkhidmatan awam negeri ini akan terus diperkemas dalam norma baharu bagi memastikan khidmat ditawarkan kekal relevan.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, semua warga kerja perlu berusaha untuk menambah baik prosedur kerja sedia ada termasuk perkhidmatan secara digital.

“Saya akui, COVID-19 telah merubah landskap perkhidmatan awam, banyak proses kerja biasa perlu diubah kepada perkhidmatan secara digital dan ia bukanlah alasan untuk kita tidak melunaskan tanggungjawab diamanahkan.

Berikutan itu, kerajaan negeri telah membangunkan pelbagai urusan secara dalam talian seperti sistem e-bayar bagi memudahkan transaksi pembayaran dilaksanakan.

“Sistem penyampaian perkhidmatan awam di Melaka mesti terus beroperasi pada tahap optimum termasuk dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika ini,” katanya.

Beliau berucap dalam Majlis Apresiasi Kecemerlangan Jabatan Ketua Menteri Tahun 2021 disiarkan di laman Facebook, di sini pada 22 Julai lepas.

Dalam pada itu, berikutan tahun ini adalah tahun perlaksanaan terhadap profesionalisme penjawat awam, beliau menyeru semua kakitangan bergerak pantas mem-

buat penambahbaikan dengan kreatif dan inovatif terhadap kesemua perancangan kerajaan.

“Kita mesti pastikan semuanya dilaksana, ‘get it done, bagi jadi, kasi jadi’, dan ia perlulah diingatkan, kepantasannya dalam proses kerja harus disokong dengan peraturan yang ditetapkan.

“Saya juga mahukan semua kakitangan bertindak profesional dalam membuat keputusan kerana ia sangat penting dalam merealisasikan visi dan misi kerajaan negeri.

“Jadikanlah tonggak 5K iaitu komunikasi, kolaborasi, koordinasi, kompetensi dan kongsi matlamat bersama untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat,” katanya dalam majlis secara maya itu.

Seramai 55 warga Jabatan Menteri Melaka (JKMM) menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan 28 orang pegawai menerima Anugerah Khas Perkhidmatan (AKP).

“Saya percaya penganugerahan atas usaha kakitangan terlibat akan menyuntik semangat kepada semua 710 warga kakitangan JKMM selain 5,119 penjawat awam Negeri Melaka untuk terus berkhidmat dengan lebih berdedikasi dan penuh iltizam.

“Saya juga berharap agar anugerah ini menjadi pemotivasi kecemerlangan dan motivasi kepada semua kakitangan untuk mencapai visi dan misi negeri ini,” kata Sulaiman.



SULAIMAN ketika berucap dalam Majlis Apresiasi Kecemerlangan Jabatan Ketua Menteri Tahun 2021 yang disiarkan secara dalam talian di laman Facebook rasmi Sulaiman Md Ali dan Kerajaan Negeri Melaka pada 22 Julai lepas.

CMI, MICTH sumbang kit makanan bantu rakyat Melaka

Mohamad Fazrul Abdul Majid

SERI BENDAHARA - Perbadanan Ketua Menteri (CMI) bersama Melaka ICT Holding Sdn. Bhd. (MICTH) menjadi antara jabatan dan agensi kerajaan negeri yang tampil menyumbangkan bantuan kit makanan bagi membantu rakyat negeri ini yang terkesan.

Selain itu, agensi lain yang turut menyumbang termasuklah Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Kumpulan Melaka Berhad (KMB) dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ).

Keseluruhan sebanyak 1,100 kit makanan telah disumbangkan kepada kerajaan negeri yang akan bertindak sebagai penyelaras untuk mengagihkan bantuan tersebut terus kepada rakyat yang memerlukan di seluruh pelosok negeri ini.

Majlis simbolik penyerahan sumbangan itu telah disempurnakan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali bertempat di kediaman rasminya, di Seri Bendahara, pada 23 Julai lepas.

Ketua Pegawai Eksekutif CMI, Datuk Mohd Fauzi Yaakub berkata, sebanyak 500 kotak makanan telah disumbangkan CMI bersama MICTH menerusi program kali ini.

Katanya, walaupun sumbangan itu tidak sebesar mana, namun ia sedikit sebanyak diharap dapat meringankan beban yang ditanggung rakyat sejak pandemik COVID-19 melanda.

“Saya percaya ini bukanlah usaha terakhir yang dilakukan CMI bersama MICTH, Insya-Allah sekiranya ada keperluan yang memerlukan, kami akan terus menyumbang ke arah tersebut.

“Pada masa sama, saya turut mengalau-alukan anak-anak syarikat sekiranya berkemampuan agar dapat bersama-sama kerajaan negeri dalam usaha membantu permasalahan yang dihadapi rakyat ketika ini,” katanya kepada Melaka Hari Ini.

Sementara itu, Yang Dipertua MPHTJ Datuk Shadan Othman berkata, penganginan kit makanan itu merupakan antara inisiatif pihaknya dalam bersama-sama membantu ker-

ajaan negeri membantu rakyat yang terkesan di negeri ini.

“Alhamdulillah, kali ini kami dapat menyalurkan sejumlah 300 kit makanan berjumlah RM45 setiap satu untuk membantu kerajaan negeri menyelaraskan bantuan itu kepada

mereka yang memerlukan.

“Selain bantuan di peringkat negeri, MPHTJ melalui ahli-ahli majlis juga turut menyalurkan bantuan terus kepada rakyat terutama untuk mereka yang terkesan di kawasan Hang Tuah Jaya,” katanya.



SHADAN (kiri) menyerahkan simbolik kit makanan kepada Sulaiman (kanan).



KETUA Pegawai Eksekutif Kumpulan Melaka Berhad (KMB), Mohd Saleh Jusman (kiri) turut menyampaikan simbolik kit makanan kepada Sulaiman.



SULAIMAN (kanan) menerima kotak makanan daripada Fauzi (dua dari kiri) sambil diperhatikan Timbalan Pengurus MAIM Datuk Md Rawi Mahmud (dua dari kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif MICTH Dr. Nazdiana Ab Wahab (kiri) di Seri Bendahara pada 23 Julai lepas.

Vaksin Sinovac

14 juta dos vaksin akan dijual kepada syarikat swasta, negeri

SHAH ALAM – Sebanyak 14 juta dos vaksin Sinovac akan dijual Pharmaniaga Bhd kepada syarikat swasta dan negeri yang berminat mulai bulan ini sehingga September, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata penjualan vaksin secara terus kepada pihak yang berminat itu telah mendapat kebenaran Jawa-tanusa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) dan diayakini akan mempercepatkan lagi usaha mencapai imuniti kelompok lebih awal daripada yang dirancang.

“Negeri-negeri juga ada berminat mahu beli secara terus, sebagai contoh Selan-



ISMAIL

gor telah lama meminta menjual terus kepada mereka tetapi Jawatan tanusa ini mempunyai jadual program mereka sendiri, sebab itulah kita belum boleh berikan terus,” katanya pada sidang media pada 21 Julai lepas.

Terdahulu Ismail Sabri

menyaksikan penyerahan kelompok dos terakhir vaksin Sinovac kepada Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba selaku wakil kerajaan oleh Pengarah Urusan Kumpulan Pharmaniaga Datuk Zulkarnain Md Euope.

Beliau berkata Pharmaniaga telah berjaya membekalkan 12 juta dos vaksin Sinovac empat setengah bulan lebih awal daripada jadual kontrak asal dan pada 19 Julai lepas, kerajaan telah bersetuju untuk pembelian dua juta dos Sinovac lagi, bagi menampung Operasi Lonjakan Kapasiti.

Ismail Sabri berkata senarai syarikat dan negeri yang memohon untuk pem-

belian vaksin itu akan dirujuk terlebih dahulu kepada Jawa-tanusa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) untuk semakan.

“Mereka boleh membuat tempahan sekarang terus kepada Pharmaniaga, dan akan dirujuk kepada JKJAV kerana nama-nama penerima yang disenarai mungkin duplikasi ataupun telah menerima vaksin,” katanya.

Mengenai kelonggaran yang bakal diberikan kepada mereka yang telah lengkap dua dos vaksin COVID-19, Ismail Sabri berkata perkara itu masih dalam penelitian secara mendalam oleh kerajaan.

“Kemungkinan satu

dari pada syarat yang kami nak benarkan untuk kilang beroperasi semula adalah apabila pekerja mereka lebih 80 peratus telah lengkap dua dos vaksinasi, dan apabila kami boleh jual terus vaksin ini kepada kilang-kilang ini, saya percaya bolehlah mereka dibenarkan untuk memohon kebenaran membuka kilang mereka.

“Kami percaya walau-pun dua dos telah diberikan namun Kementerian Kesihatan menganggap masih tidak selamat sepenuhnya tetapi sekurang-kurangnya dua dos berserta syarat-syarat lain seperti membuat ujian sarangan setiap dua minggu dan sebagainya itu boleh membantu, tapi perkara itu masih

dibincangkan lagi,” katanya.

Menurut Ismail Sabri pihak kerajaan juga menerima pelbagai saranan kelonggaran termasuk bagi pasangan jarak jauh yang telah lengkap divaksinasi dibenar merentas daerah atau negeri namun ada juga berpendapat masanya belum sesuai kelonggaran seperti itu diberikan.

“Ada juga pandangan agar membuka perniagaan atau industri yang tidak pernah ada kluster atau memberi kebenaran kepada pelanggan yang lengkap divaksinasi untuk makan di kedai, itu antara pandangan yang kami terima dan sedang dikaji,” katanya. - BER-NAMA

Sinovac dan Pfizer sama berkesan melawan COVID-19 – Dr Noor Hisham

KUALA LUMPUR – Data perubatan mengenai penggunaan vaksin menunjukkan vaksin Sinovac dan Pfizer sama berkesan dalam melawan COVID-19, kata Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Dalam catatan Facebook pada 20 Julai lalu, Dr Noor Hisham berkata pada 7 Julai, New England Journal of Medicine menerbitkan laporan mengenai pengalaman Sinovac di Chile mulai Februari hingga Mei 2021 yang melibatkan 4.2 juta individu diberi vaksin sepen-

uhnya berbanding 5.5 juta penduduk yang tidak diberi vaksin.


“Sinovac didapati boleh mengurangkan jangkitan COVID-19 sebanyak 65.9 peratus, mengurangkan rawatan di hospital sebanyak 87.5 peratus, mengurangkan jumlah pesakit ditempatkan unit rawatan rapi (ICU) sebanyak 90.3 peratus dan mengurangkan kadar kematian sebanyak 86.3 peratus,” katanya.

Dr Noor Hisham berkata ujian Pfizer sebaliknya yang melaporkan keberkesanan 95 peratus adalah sangat

kecil dan hanya menganalisis 170 kes COVID-19 melibatkan sekumpulan lapan individu yang divaksinasi dan 162 orang yang tidak divaksinasi.

Oleh itu, beliau berkata tidak banyak perbezaan antara vaksin Sinovac dan Pfizer dalam penggunaannya.

“Kedua-duanya sangat berkesan untuk mencegah penyakit yang teruk dan dimasukkan ke hospital, tetapi kurang efektif untuk melawan COVID-19 bergejala ringan atau tanpa gejala,” tambahnya.



“Kedua-duanya sangat berkesan untuk mencegah penyakit yang teruk dan dimasukkan ke hospital, tetapi kurang efektif untuk melawan COVID-19 bergejala ringan atau tanpa gejala”

Lawatan Menteri Kesihatan Pantau situasi semasa Hospital Melaka

Liana Sahabudin

AYER KEROH – Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba mengadakan lawatan ke Hospital Melaka bagi melihat keadaan dan situasi semasa hospital berkenaan yang semakin kritis, pada 18 Julai lepas.

Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Katil Mohd Ridhwan Mohd Ali berkata lawatan itu termasuklah memfokuskan beberapa perkara utama membabitkan fasiliti hospital.

“Ada tiga perkara yang diketengahkan seperti masalah bekalan elektrik, bekalan oksigen buat pesakit dan kekurangan petugas kesihatan di hospital.

“Kita sedia maklum hampir keseluruhan kawasan hospital ini sudah menjadi lokasi merawat pesakit COVID-19 sehingga terpaksa membuka khemah di luar hospital.

“Semoga dengan lawatan ini dapat mempermudahkan semua kelulusan keputusan dan dana yang diperlukan oleh Hospital Melaka untuk terus beroperasi mengharungi pandemik ini,” katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini (MHI).

Pada lawatan itu Dr Adham berkesempatan melihat sendiri wad unit rawatan rapi (ICU) serta wad-wad pesakit di Hospital Melaka.

Lawatan tersebut bermula pada jam 9.30 malam dan selanjutnya pada jam 11 malam yang turut dihadiri beberapa pegawai kesihatan Hospital Melaka.

Melaka rayu pertimbang peralihan fasa dua

Mohamad Fazrul Abdul Majid

LENDU – Kerajaan negeri meminta kementerian berkaitan agar menilai semula peralihan fasa Pelan Pemuliharaan Negara (PPN) membabitkan negeri-negeri kecil seperti Melaka.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, ia berikutan beberapa indikator yang ditetapkan untuk peralihan fasa PPN dilihat seolah-olah tidak adil untuk negeri tertentu terutamanya membabitkan fasiliti kesihatan.

Mengambil contoh indikator pengurangan kapasiti katil unit rawatan rapi (ICU) di

bawah 70 peratus, beliau berkata situasi itu sukar untuk dicapai Melaka memandangkan negeri ini hanya mempunyai satu hospital merawat pesakit COVID-19 iaitu di Hospital Melaka.

“Kita tidak seperti negeri-negeri lain yang ada sehingga tiga hospital utama untuk merawat pesakit COVID-19. Di Melaka, ia agak sukar kerana Hospital Melaka satu-satunya yang kita ada.

“Satu lagi indikator membabitkan kes harian yang perlu berada di bawah 114, bagi saya ia juga mustahil dicapai dalam masa terdekat kerana sehingga kini kita masih menerima banduan dan



SULAIMAN ketika menunaikan solat Aidiladha di Masjid Al Mujib, Kampung Durian Daun, di sini pada 20 Julai lepas.

“ Situasi itu sukar untuk dicapai Melaka memandangkan negeri ini hanya mempunyai satu hospital merawat pesakit COVID-19 iaitu di Hospital Melaka. ”

pendatang asing tanpa izin (PATI) yang dihantar ke penjara dan depoh tahanan di negeri ini.

“Jadi, sebab itulah semalam (19 Julai), saya telah me-

maklumkan kepada Perdana Menteri dan Ketua Pengarah Kesihatan agar tolong menilai semula syarat untuk negeri Melaka beralih fasa memandangkan kita merupakan se-

buah negeri yang kecil,” katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Meskipun begitu, Sulaiman menzhahirkan rasa gembira mengenai capaian vaksin

di negeri ini yang sudah menunjukkan perkembangan positif apabila merekodkan hampir 17 peratus penduduk lengkap menerima dua dos vaksin COVID-19.

Hospital Medan di Melaka ditangguhkan

HASRAT Melaka untuk membangunkan sebuah Hospital Medan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Jasin bagi menyokong fasiliti kesihatan negeri terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu.

Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, ia berikutan pihaknya difahamkan segala aset-aset oleh pihak ATM telah habis digunakan untuk keperluan negeri Selangor paling kritikal dibadai CO-

VID-19 ketika ini.

“Menerusi mesyuarat pada 19 Julai lepas, saya difahamkan bahawa pihak ATM telah mengeluarkan segala aset-aset mereka dan ia telah habis digunakan.

“Aset-aset itu banyak digunakan di negeri Selangor yang paling hebat berlaku jangkitan COVID-19, maka Melaka tidak dapat mewujudkan Hospital Medan.

“Bagaimanapun, Insya-Allah kita akan terus berusaha agar

dapat mewujudkan Hospital Medan di negeri ini bagi menampung keperluan fasiliti kesihatan kita,” katanya.

Sebelum ini, Melaka Hari Ini (MHI) melaporkan, kerajaan negeri bakal membina sebuah Hospital Medan ATM di Hospital Jasin dalam masa terdekat.

Ia susulan Hospital Melaka yang merupakan hospital utama merawat pesakit COVID-19 tahap 4 dan 5 kini sudah mencapai tahap

kritikal sehingga memaksa dua lagi hospital daerah iaitu di Jasin dan Alor Gajah turut dijadikan tempat merawat pesakit COVID-19 yang baharu.

Dalam pada itu, Sulaiman berkata, menerusi mesyuarat Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) semalam, pihaknya dimaklumkan Hospital Melaka bakal menerima 10 lagi katil unit rawatan rapi (ICU) yang baharu berserta alat bantuan pernafasan.

Menurutnya, peralatan itu telah berada di Singapura dan hanya menunggu masa untuk dibawa masuk ke negeri ini.

“Pada masa sama, kita juga akan menyediakan katil-katil untuk kes kecemasan COVID-19.

“Buat masa ini memang ia (katil) masih mencukupi, cuma kita perlu bersedia awal kerana saya bimbang jika berlaku lagi peningkatan kes membabitkan COVID-19 yang serius,” katanya lagi.

Peralihan fasa PPN bantu rakyat rasa selamat

AYER KEROH – Peralihan fasa Pelan Pemuliharaan Negara (PPN) lebih cepat dapat memberi impak positif dari sudut psikologi rakyat untuk mEnjalani kehidupan seharian.

Ketua Penyelidik Kumpulan Komunikasi Kesihatan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Melaka, Prof Madya Dr Abdul Rauf Ridzuan berkata, peralihan fasa itu mampu membuatkan rakyat berasa selamat serta meredakan tekanan selepas berdepan beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac tahun lalu.

Katanya, peralihan fasa juga mampu mengurangkan kadar jenayah selain turut

mengurangkan kes-kes depresi dan bunuh diri.

“Apabila memasuki fasa 2, 3 dan 4 PPN, rakyat dapat merasakan keadaan makin terkawal dan dari segi psikologi mereka akan berasa lebih selamat.

“Ia juga dapat membantu dari sudut pekerjaan, selain perniagaan dilonggarkan, sekali gus membantu mereka yang hilang punca pendapatan sebelum ini. ”

“Secara tak langsung ia juga mengurangkan kadar pengangguran dan apabila pengangguran menurun, kes jenayah juga akan menurun,” katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Justeru, beliau berkata, apa yang diperkatakan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali mengenai rayuan pertimbangkan peralihan fasa 2 lebih awal bagi negeri Melaka masih mempunyai asas yang kukuh.

Ia tidak lain untuk membantu rakyat menikmati ke-

hidupan yang lebih selesa selepas lebih sebulan seakan hidup ‘terkurung’.

Bagaimanapun, katanya, untuk menikmati peralihan fasa itu, sesuatu perlu dilakukan segera terutama membabitkan fasiliti kesihatan negeri yang semakin tenat.

“Melaka negerinya kecil

tapi kes begitu tinggi. Itu justrifikasi yang cukup untuk kerajaan negeri meminta bantuan kerajaan pusat dari sudut fasiliti kesihatan di negeri ini.

“Peningkatan kes tidak dinafikan berpunca penutupan sektor yang tidak menyeluruh terutama apabila banyak kilang masih dibuka dan akhirnya ia merebak kepada masyarakat luar.

“Selain itu, faktor kepadatan penduduk juga menjadi penyumbang utama kes semakin meningkat memandangkan Melaka menjadi antara lima negeri dengan kepadatan penduduk yang tinggi, sekali gus menyukarkan kawalan.



DR Abdul Rauf

“Mahu atau tidak kita perlu terima hakikat kes COVID-19 sememangnya tinggi dan perlu mendapatkan bantuan segera untuk mengurangkan ketenatan fasiliti kesihatan dan kemudian baru lah kita boleh berkira-kira untuk beralih fasa,” katanya.

Polis Melaka cemerlang tumpaskan pengedar dadah

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH – Polis Melaka berjaya merampas dadah pelbagai jenis bernilai RM16 juta dalam tempoh 1 Januari hingga 15 Julai lalu.

Ketua Polis Melaka, Datuk Abdul Majid Mohd Ali berkata, nilai rampasan itu meningkat lebih RM15 juta berbanding rampasan dilakukan dalam tempoh sama tahun lalu.

"Rampasan dadah bagi tempoh itu tahun ini bernilai RM16 juta berbanding tahun lalu, yang hanya merekodkan jumlah rampasan bernilai

RM686,175.08," katanya dalam satu kenyataan di sini, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pihaknya menahan 413 individu kerana melakukan aktiviti pengedaran dadah dalam tempoh sama tahun ini.


Jelasnya, jumlah itu meningkat 1.72 peratus berbanding tahun lalu dengan penahanan seramai 406 orang.

"Bagi tangkapan penagih pula, jumlah tangkapan meningkat 53.16 peratus dengan seramai 1,331 ditahan tahun ini berbanding 869 pada tahun lalu," katanya.

Menurut Abdul Majid, jumlah tangkapan dan rampasan itu membuktikan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) negeri menunjukkan prestasi cemerlang dalam usaha membanteras kegiatan penyalahgunaan dadah di negeri ini.

"Kejayaan ini merupakan usaha pasukan polis memerangi dadah di negeri ini dengan adanya keberkesanan risikan dengan tangkapan berkualiti.

"Ia juga turut dibantu dengan hasil perkongsian maklumat orang awam dalam usaha membanteras aktiviti pengeda-



ABDUL Majid

ran dan penyalahgunaan dadah dengan lebih berkesan," katanya.



DAK MAT

Kluster 'Tempat Kerja'

NAMPAKYA jangkitan COVID-19 di Melaka meningkat kebelakangan ini. Bilangan kluster juga bertambah dengan kluster tempat kerja antara yang tertinggi.

Banyak spekulasi beberapa tempat kerja di Melaka mendapat taraf 'kayangan'. Ini kerana 'tempat kerja' tersebut masih dibenarkan beroperasi walaupun netizen mendakwa sektor ini punca utama bilangan kes meningkat.

Bagi Mat, dakwaan harus berdasarkan fakta. Ini yang Mat dan 'tempat kerja' Mat praktikkan. Jika tiada faktta, ia adalah tuduhan yang boleh difalsifir dari pelbagai sudut.

Rungutan netizen berkaitan perkara ini berasas. Pihak berwajib telah mengambil tindakan terhadap beberapa majikan dan 'tempat kerja' mengikut kuasa undang-undang yang diperuntukkan kepada mereka.

Operasi yang dilancarkan adalah secara bersepadu melibatkan pelbagai agensi di Melaka. Tindakan dari penguatkuasa dibuat berdasarkan punca kuasa bagi membolehkan mereka bertindak.

Netizen perlu faham tentang kuasa bertindak yang diperuntukkan kepada pihak berwajib di Melaka. Ada kekangan tertentu yang tidak memungkinkan pihak berwajib menutup sesetengah 'tempat kerja' seperti desakan netizen.

Langkah yang diambil pihak berwajib negeri juga perlu berhati-hati. Ini bagi mengelakkan agensi atau penguatkuasa terbabit terdedah kepada tindakan undang-undang kerana bertindak di luar bidang kuasa mereka.

Pandangan kita tidak semestinya betul. Pandangan orang lain juga tidak semestinya salah. Apa yang penting, tindakan yang dibuat adalah memelihara kepentingan semua.

Dak Mat : Mat kluster 'marhain' yang memerhati je.

Berkorbanlah...



MASIH lagi tentang pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP). Hujung minggu lalu, lebih 4,000 kendaraan telah diarah berpatuh balik di sekitar jalan raya (SJR) sekitar Lembah Kelang. Mereka sanggup mengambil risiko disaman hanya kerana mahu keluar dari Lembah Kelang.

Mungkin 'lambai-lambai' desa begitu kuat. Aidiladha mahu disambut di kampung dengan penuh kemeriahahan. Mahu berkumpul beramai-ramai, bergotong royong menyediakan juadah hari raya bersama keluarga.

Tetapi, itu dahulu. Kini, lupukanlah sementara kemeriahahan tersebut. Usah diingat suasana riuh rendah keluarga menyediakan juadah raya.

Sekarang, pilihan hanya satu. Patuh SOP! Rangkaian jangkitan pandemik yang tersebar perlu diputuskan. Ia menuntut pengorbanan yang bukan sedikit dari kita semua.

Kesan dari pergerakan pulang ke kampung semasa Aidilfitri lepas masih jelas. Kes naik mendadak dilikuti pertambahan kluster baik kampung di beberapa negeri. Bilangan juga terkhoror juga bertambah.

Kita kini di zaman serba canggih. Jika rindu ayah, ibu serta sanak saudara di kampung, manfaatkanlah teknologi yang ada.


Banyak platform dan aplikasi menyediakan panggilan atau sidang video secara maya. Gunakan ia untuk melepaskan rindu dendam buat sementara waktu.

Paling penting adalah pematuhan arahan dan SOP. Kita sama-sama berjuang melawan pandemik ini. I ni kita lakukan demi kebaikan bersama di masa hadapan.

Pengorbanan kita semua dituntut!

Dak Mat : Rindu 'dikejar' lembu korban yang terlepas.

'Banner oh Banner'



MINGGU lalu, Mat keluar membuat tinjauan bagi mendapatkan bahan berita. Mat perasan satu benda semasa meramandu di satu daerah luar bandar Melaka.

Tergantung satu 'banner' di bahu jalan. Ucapan "Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin" dari seorang pemimpin Melaka.

Namun Mat bersangka baik, mungkin pihak berwajib belum sempat meruncunkan banner tersebut walaupun kita merayakan Aidilfitri dua bulan yang lalu.

Mat juga nampak beberapa banner lain acara awal tahun ini masih tergantung dalam keadaan baik dan kukuh.

Ada juga banner yang digantung menyalahi protokol. Di satu persimpangan jalan, gambar Ketua Menteri digantung di bawah banner seorang ketua pihak berwajib tempatan (PBT).

Mungkin si pemasang tidak berniat apa-apa. Cuma kurang peka protokol hierarki pimpinan dan peraturan pemasangan yang ditetapkan.

PBT perlu tegas! Syarat pemasangan banner ada cukup untuk mengawal. Cuma perlu lebih tegas dan penguatkuasaan yang ketat.

Peraturan pemasangan juga perlu lebih kreatif agar mewujudkan perubahan yang 'sejuk mata' memandang.

Banner yang tidak memepati spesifikasi atau melanggar peraturan perlu dibuang segera. Jika perlu, naikkan nilai deposit yang dibayar pemohon.

I ni bagi memastikan mereka menurunkan banner yang digantung mengikuti jadual yang ditetapkan. Jika tidak, deposit hangus.

Harap PBT lebih tegas mengawal keadaan ini.

Dak Mat : Gantung banner 'Selamatkan Gaza'.

Tak dapat curi barang, bakar pejabat pos

JASIN – Berang kerana gagal mendapatkan barang berharga, seorang lelaki nekad membakar kerusi dan meja dalam Pejabat Pos Selendar, di sini pada 18 Julai lepas.

Lelaki berusia 43 tahun itu bagaimanapun ditahan kurang lima jam selepas melakukan perbuatan itu pada jam 9.15 malam oleh sepasukan pegawai dan anggota Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Daerah (IPD) Jasin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Melaka, Asisten Komisioner Mohd Sukri Kaman berkata, pihaknya menerima maklumat daripada pengurus Pos Malaysia cawangan itu memaklumkan pejabat pos itu dipecah masuk selain terbakar di bahagian kaunter pejabat terbabit pada jam 11 malam.

Katanya, pengadu berusia 36 itu turut memaklumkan dia menerima isyarat penggera menerusi telefon sebelum melihat kelibat individu dalam pejabat itu menerusi rakaman kamera litar tertutup (CCTV).

"Berikutnya itu, pengadu meminta bantuan polis dan hasil pemeriksaan mendapati kerusi dan meja pejabat pos berkenaan terbakar sebelum menghubungi pasukan bomba untuk memadam kebakaran.

"Pemeriksaan lanjut turut mendapati terdapat kesan pecah masuk menerusi cer-



PEJABAT Pos Selendar yang dipecah masuk oleh suspek pada malam 18 Julai lepas.

min dan gril tingkap belakang yang diumpil selain terdapat kesan pagar dipotong di bahagian belakang bangunan," katanya dalam satu kenyataan di sini, baru-baru ini.

Mohd Sukri berkata, susulan kejadian itu, pihaknya menahan suspek di sebuah rumah di pekan Selendar tiga jam selepas menerima laporan itu.

"Dalam penahanan itu, polis turut merampas pakaian serta peralatan diperlukan untuk memecah masuk bangunan terbabit termasuk kuku kambing dan pemetik api.

"Siasatan lanjut mendapati, suspek mengaku telah membakar kerusi dan meja kaunter perkhidmatan pejabat pos di situ

kerana gagal mendapatkan barang berharga," katanya.

Menurut beliau, semakan mendapati suspek merupakan pesalah Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 dan masih menjalani tempoh sekatan selama dua tahun bermula 24 September tahun lalu hingga 23 September 2022.

Jelasnya, semakan turut mendapati suspek mempunyai empat rekod lampau membabitkan dadah dan tujuh rekod jenayah.

"Suspek direman empat hari dan siasatan masih diteruskan mengikut Seksyen 448 Kanun Keseksian iaitu menceroboh bangunan," katanya.

rumah dan sebagainya, jadi bila Melaka boleh beralih fasa sudah pasti ia dapat melegakan banyak pihak," katanya kepada MHI.

Jelasnya bagaimana beberapa strategi juga perlu dilaksanakan kerajaan jika mahu beralih kepada fasa dua.

"Kita perlu ada strategi macam mana untuk memaksinkan pekerja-pekerja kilang kemudian bolehlah Melaka masuk kepada fasa pemulihan yang seterusnya.

"Kalaupun nak harapkan kes COVID-19 di unit rawatan rapi (ICU) Hospital Melaka bawah 70 peratus itu mustahil sebab kita hanya ada satu hospital besar.

"Paling tidak pun kita hanya boleh tambah lagi fasiliti di Hospital Melaka, tapi situasinya masih sama kerana kemasukan pesakit yang semakin ramai," katanya.

Golongan terjejas lega jika Melaka beralih ke fasa dua – MGBM

Liana Sahabudin

AYER KEROH – Majlis Gabungan Belia Melaka (MGBM) menyokong penuh permintaan kerajaan negeri untuk beralih kepada fasa dua Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Presiden MGBM Mohd Ridhwan Mohd Ali berkata sudah tentu peralihan fasa itu akan memberi lebih kelonggaran buat rakyat Melaka.

"Memang kita harapkan untuk beralih kepada fasa dua sebab fasa ini ada lebih banyak kelonggaran."

"Sebab kita tahu ramai peniaga kecil dan orang yang mempunyai syarikat pun terjejas, mereka terpaksa potong gaji pekerja dan ada yang diberhentikan kerja."

"Belum lagi mereka yang terkesan tidak mampu bayar sewa

NGO diseru berganding bahu bantu golongan tercicir

Faiz Hasan

AYER KEROH – Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) diseru bekerjasama dalam misi sukarelawan bagi membantu golongan tercicir di negeri ini.

Exco NGO, Datuk Mohd Rafiq Nai-zamohideen berkata, penyertaan mereka dalam misi sukarelawan juga akan menumpukan usaha memperluas vaksinasi kepada golongan terbabit terutama warga emas dan individu terlantar.

Katanya, golongan itu akan dikenal pasti menerusi pemantauan NGO dan dirujuk kepada Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) negeri.

“Kerajaan negeri sentiasa berko-

munikasi bersama CITF dari semasa ke semasa bagi mendapatkan maklumat berkaitan golongan memerlukan suntikan vaksin terutama pesakit kronik dan terlantar.

“CITF bersedia menghantar satu kumpulan untuk memberi suntikan terbabit dari rumah ke rumah,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat dan menyampaikan sumbangan makanan kepada petugas Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) di MITC, di sini baru-baru ini.

Dalam lawatan itu, Mohd Rafiq turut memberikan kata-kata semangat kepada penghuni PKRC MITC serta me-

nerahkan 2,000 paket makanan dan 2,000 pelitup muka buat mereka.

Sementara itu ujarnya, bagi memperluaskan inisiatif Bakul Prihatin Negara pihaknya turut menyeru NGO di Melaka tampil membantu kerajaan negeri dalam mengagihkan bantuan itu.

Katanya, langkah itu dapat mempercepatkan proses agihan kepada golongan yang benar-benar memerlukan dengan bantuan daripada Jabatan Keajlian Masyarakat (JKM).

“NGO adalah pelengkap kepada jentera kerajaan terutama dalam usaha mengurangkan bebanan masyarakat dalam tempoh sukar pandemik COVID-19,” katanya.



PENGARAH PKRC MITC Dr Abdul Karim Abdul Rahman menerima sumbangan disampaikan Mohd Rafiq, baru-baru ini.

Rawatan Zon Hijau Hospital Melaka Dipindah ke Klinik Kesihatan Peringgit

Liana Sahabudin

AYER KEROH – Zon Hijau Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Melaka ditutup bermula 19 Julai bagi mengurangkan kesesakan dan kelewatian pesakit mendapatkan rawatan kes-kes ringan dan tidak kritis.

Exco Kesihatan Datuk Rahmad Mariman berkata, penutupan itu selepas pemantauan dan penilaian mendapati berlaku kesesakan di zon itu menyebabkan ketidakselesaan serta kelewatan pesakit mendapatkan rawatan.

“Dengan penutupan ini, perkhidmatan Zon Hijau akan dipindahkan ke Klinik Kesihatan Peringgit yang jaraknya hanya 1.5 kilometer dari Hospital Melaka.

“Waktu operasi harian Klinik Kesihatan Peringgit dari jam 8 pagi hingga 9.30 malam setiap hari kecuali cuti umum sebelum ini juga diperpanjang kepada 24 jam bermula 19 Julai 2021 (Isnin),” katanya dalam kenyataan media baru-baru ini.

Rahmad berkata, Jabatan Kesihatan negeri juga akan memantapkan perkhidmatan Kesihatan Awam Jabatan Kesihatan dengan menutup sementara Klinik Komuniti (KKom) melibatkan

16 Klinik Komuniti di ketiga-tiga daerah.

“Keputusan ini sebagai strategi mengukuhkan keperluan sumber manusia di fasiliti kesihatan awam termasuklah mobilisasi kakitangan dari Klinik Komuniti untuk memberi tumpuan kepada perkhidmatan yang lebih memerlukan.

“Ia meliputi Pusat Penilaian COVID-19 (CAC), Pusat Pemberian Vaksin (PPV), Pusat Saringan COVID-19, Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) serta di fasiliti kesihatan lain.

“Penutupan sementara ini melibatkan semua Klinik Komuniti dengan purata kedatangan harian di Klinik Komuniti terbabit adalah kurang dari 40 pesakit,” katanya.

Katanya bagaimanapun Klinik Komuniti Batang Melaka di Daerah Jasin dikecualikan kerana purata kedatangan harian melebihi 100 pesakit.

“Berikutnya penutupan sementara ini, perkhidmatan Klinik Komuniti termasuk penjagaan luka akan dilakukan di Klinik Kesihatan berhampiran, manakala selepas waktu pejabat di Klinik-klinik Kesihatan yang menjalankan dua shif.



KLINIK Kesihatan Peringgit.

Penghuni PKRC MITC Syukur dapat tunai solat Aidiladha

AYER KEROH – “Ini semua hikmah perancangan Allah. Saya masuk ke sini dan dapat bersama-sama menuaikan solat sunat Aidiladha,” kata Ustaz Murad Ahmat.

Pegawai Jabatan Agama Islam (JAIM) itu mengimamkan solat Sunat Aidiladha di Pusat Kuarantin Dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) di MITC, pada awal pagi 20 Julai lalu.

Menurut Murad ia pengalaman unik bagi dirinya apabila mengimamkan solat sunat itu dalam suasana disifatkan sebagai ‘darurat’.

“Semua ini aturan Allah dan pengalaman bersejarah bagi saya memimpin solat sunat Aidiladha dan membacakan khutbah di pusat kuarantin.

“Di luar mungkin ada yang tidak berpeluang menuaikannya kerana had jemaah di

masjid dan surau mengikut SOP (prosedur operasi standard), tapi syukur bagi kami di sini,” katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Difahamkan kira-kira 200 penghuni mewajahkan solat sunat itu dengan Murad menyampaikan khutbah bertajuk ‘Korban: Peluang Meraih Keberkatan’ dikeluarkan JAIM.

Murad dalam pada itu turut berterima kasih kepada pihak urusetia kerana menyediakan kemudahan untuk menuaikan ibadat sunat itu.

“Sebenarnya kami tidak rancang, namun atas permintaan urusetia, saya gunakan pengalaman untuk menyempurnakannya.

“Walaupun dalam darurat bukan alasan untuk tidak melaksanakan ibadat kepada Allah SWT,” katanya lagi.



USTAZ Murad menyampaikan khutbah Aidiladha pada awal pagi 20 Julai lepas. Foto Ihsan pembaca Abu Bakar Ismail

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314,
06 - 251 9315
FAX : 06 - 251 9316

PENGARANG KANAN
MUHD RIZANIZAM
ABDUL HAMID
mrizanizam@gmail.com

PENGARANG
MOHD HAMZATUL
AKMAR MD ZAKARIA
yondaleme87@
melakaharlini.my

PENGARANG DIGITAL
MEOR RIDUWAN
meor76@riduwani@gmail.com

JURUFOTO KANAN
AZREN JAMALUDIN
mazren86@gmail.com

PEGAWAI
TEKNOLOGI MAKLUMAT
AHMAD ZUHAIR
UMAR SAMSER
zuhair@melakaharlini.my

WARTAWAN

LIANA SAHABUDIN
liyanann90@melakaharlini.my

MOHD FAZRUL
ABDUL MAJID
fazrul@melakaharlini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharlini.my

FARAH SUHAIDAH
OTHMAN
farahothman@melakaharlini.my

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharlini.my

MIMIE AZURA
ABU BAKAR
mimieazura1981@
melakaharlini.my

ZUL RAHIMI RAMLI
mk7.zul@melakaharlini.my

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakaharlini.my
018 - 329 9336

EKSEKUTIF PEMASARAN & PENGILAKAN
NAQIB TAJUDIN
naqib@melakaharlini.my

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izraihanah363@gmail.com

SHARIFAH NORKHALIDAH
SYED KHAIDIZIR
khalidah@melakaharlini.my

MELAKA TV

KETUA
ASHALIA YUSOF
ashaliayusof@melakaharlini.my

WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMAD FARIS HAikal
farishalkal.zakaria@
melakaharlini.my

PENYUNTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharlini.my

JURUKAMERA
ISMAYL IBRAHIM
dakmail92@melakaharlini.my

AUFA IZZATI
AHMAD ZAILANI
aufalzzati98@melakaharlini.my

AMIRUL RAMLI
amirul@melakaharlini.my

Sasar 420 penerima vaksin di Masjid MITC

Faiz Hasan

AYER KEROH - Seramai 420 penerima disasarkan diberi suntikan vaksin COVID-19 sehari di pusat pemberian vaksin di Masjid Al Alami MITC.

Imam 2 masjid itu, Ustaz Muhammad Khidir Bahri berkata, pihaknya menyasarkan individu penerima dalam kalangan anak kariah masjid itu.

Katanya, proses suntikan vaksin hanya dijalankan di pekarangan masjid dengan lima bahagian disediakan.

"Setiap bahagian akan dijaga oleh seorang doktor dengan sasaran 75 individu diberi suntikan dalam satu-satu masa.

"Setakat ini saya dimaklumkan penyelaras Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Masjid Al Alami MITC sudah mengeluarkan jadual penggiliran program 'outreach' di masjid yang terpilih bagi menjalankan program ini," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Terdahulu, MHI melaporkan empat masjid di negeri ini telah dipilih untuk dijadikan pusat vaksinasi terbaharu melalui kerjasama kerajaan negeri bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Inisiatif itu diumumkan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali dalam Majlis Amanat Penjawat Awam Julai 2021 pada 16 Julai lepas, bagi memperhebatkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dengan sasaran 14,000 suntikan sehari.

Empat masjid itu adalah Masjid Al Alami MITC, Masjid Ar Rahman Tanah Merah, Krubong, Masjid Jamek Ar Rahman Kampung Pulai, Jasin dan Masjid Tun Khalil, Asahan.



PPV akan dibuka di pekarangan Masjid Al Alami MITC dengan sasaran 420 penerima diberi suntikan vaksin COVID-19 setiap hari.

Enam anak yatim piatu bakal dapat rumah baru

PANTAI KUNDOR — Enam beradik yatim piatu tidak sabar menanti kedianan yang dijangka bakal siap bulan depan bagi menjalani kehidupan lebih selesa.

Nul Azizah Rosani Saman, 14, berkata, dia dan lima adiknya, Ahmad Baharom, 13, Azrul, 12, Khalid, 11, Maulidin, 8 dan Siti Khadijah, 6, teruja untuk merasai pengalaman tinggal di rumah baharu itu.

Katanya, kedianam sedia ada yang disewa bapa saudaranya, Jimmy Ladit, 47, di

Kampung Tangga Batu Pekan, Tanjung Kling sudah uzur dan lantainya sering basah akibat bumbungnya bocor.

Dia dan adik-adiknya tinggal di rumah berkenaan bersama-sama ibu saudara mereka, Azira Hairon, 48, yang juga kakak tiri Jimmy yang tinggal di Sungai Udang.

"Kami tidak sabar untuk menghuni rumah baru yang lebih selesa dan kami harap ia mampu disiapkan," katanya ketika ditemui di lokasi pem-

binaan rumah berkenaan di Kampung Tangga Batu Pekan, baru-baru ini.

Keluarganya menerima sumbangan wang tunai dan kit makanan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor yang mengemukakan permohonan kepada kerajaan negeri.

Mereka menjadi yatim piatu selepas kematian ibu dan bapa, Nila Nasir serta Rosani Saman Ladit masing-masing pada 2006 dan 3 Januari lalu.

Sementara itu, Nor

Azman berkata, rumah berkenaan dibina atas inisiatif Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Pantai Kundor yang mengemukakan permohonan kepada kerajaan negeri.

Lembaga Perumahan Melaka (LPM) ditugaskan kerajaan negeri untuk membina rumah berkeluasan 6 x 9 meter yang mengandungi tiga bilik dan satu bilik air dalam tempoh 25 hari melalui konsep pasang siap.

'COD' pokok antara alasan cubaan rentas negeri

AYER KEROH — Pelbagai alasan pelik dan tidak masuk akal diberikan sebahagian 279 pemandu kendaraan yang cuba masuk ke negeri ini untuk meraikan Aidiladha pada minggu lepas.

Pegawai Turus Keterentaman Awam Ibu Pejabat Kontinen (IPK) Melaka, Deputi Superintendant Nik Ab Halim Nikmat berkata, pihak polis bagaimanapun terpaksa mengarahkan kesemua mereka berpatah balik.

"Antara alasan pelik daripada 1,857 buah kendaraan telah diperiksa kelmarin adalah pemandu nak hantar (COD) pokok bunga dari Kuala Lumpur.

"Malah ada juga yang beri alasan untuk kira stok bekalan di gudang. Semua alasan ini tidak masuk akal dan telah diarah patah balik tanpa dikenakan kompaun," katanya ketika dihubungi MHI baru-baru ini.

Menurutnya, walaupun mereka membawa dokumen kebenaran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), namun alasan dan waktu tugasannya adalah tidak munasabah.

"Tugasannya tidak logik, lebih-lebih lagi penampilan mereka tidak seperti mempunyai urusan rasmi syarikat selain dokumen dibawa mengelirukan."

"Mungkin mereka ini yang kebanyakannya dari Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan sekadar mahu mencuba nasib meraikan Aidiladha di kampung halaman," katanya.



NIK Ab Halim



NOR Azman (kanan) menyerahkan kit makanan kepada Azira (dua kanan) di tapak pembinaan rumah enam anak yatim piatu tersebut di Kampung Tangga Batu Pekan, Tanjung Kling, baru-baru ini.

DUN Durian Tunggal perlu kemudahan infrastruktur lebih baik

Norizan Abdul Muhid

DURIAN TUNGGAL - Masalah kekurangan kemudahan, penyediaan infrastruktur asas dan pemilikan tanah penduduk antara fokus utama Dewan Undangan Negeri (DUN) Durian Tunggal.

Penyelaras DUN Durian Tunggal, Datuk Ismail Ibrahim berkata, infrastruktur dan pengurusan DUN yang lebih baik merupakan perkara teratas yang ditetapkan pihaknya.

Menurutnya, menjadi keutamaan pihaknya untuk lengkapkan kemudahan tersebut demi memastikan tiada seorang penduduk dalam DUN Durian Tunggal yang terting-

gal dari arus pembangunan.

"Dalam DUN Durian Tunggal masih ada kekurangan dari segi penyediaan kemudahan infrastruktur misalnya kemudahan sekolah menengah, kita masih bergantung kepada sebuah sekolah menengah sahaja iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Durian Daun.

"Kekurangan kemudahan ini menyebabkan penduduk terpaksa menghantar anak mereka ke sekolah menengah yang agak jauh dari kediaman mereka seperti di sekitar Batu Berendam dan Ayer Keroh, itu seperti ini yang kita muhi fokus dan selesaikan segera demi kepentingan rakyat," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Menurut Ismail, pihaknya akan memastikan penduduk DUN Durian Tunggal dapat menikmati kemudahan infrastruktur asas terbaik serta efisien dari semasa ke semasa.

"Kebanyakan penduduk mengadu mengenai isu jalan raya, kemudahan sekolah yang tidak cukup menampung bilangan murid yang bertambah setiap tahun, masalah kesesakan kenderaan AMJ dan kebimbangan lain yang mempengaruhi kehidupan harian mereka seperti serangan monyet liar dan babi hutan ekoran keadaan belukar terbiar.

"Realitinya, masalah infrastruktur ini harus diberikan perhatian kerajaan negeri demi kesejahteraan rakyat dalam DUN Durian Tunggal.

"Kedudukan kawasan Durian Tunggal yang paling dekat dengan pusat bandar turut menjadikan Durian Tunggal tempat tumpuan orang ramai, jadi seharusnya DUN Durian Tunggal menerima impak sedikit dari sebarang projek pembangunan yang diadakan di Bandar Melaka," katanya.

Selain itu, kata beliau, usaha menaik taraf tapak warisan yang terdapat dalam kawasan DUN Durian Tunggal juga dilaksanakan antaranya menaik taraf tapak masjid lama dan tertua di Melaka, Masjid Imam Muslim yang dibina sekitar tahun 1400.

"Masjid lama ini mengalami kerosakan yang agak serius dan roboh sebahagian besar bangunannya, kini dalam perhatian Jabatan Warisan negeri untuk tindakan selanjutnya.



ISMAIL (kanan) bersama penduduk Kampung Belimbing Dalam membincangkan tentang salah satu kediaman penduduk di kawasan itu yang sedang dalam pembinaan setelah selesai proses pemilikan tanah di situ.

lah trafik kendaraan yang melalui kawasan Durian Tunggal semakin sesak dan sudah tiba masanya dibina jalan raya bertingkat bagi mengatasi kesesakan kenderaan khususnya di kawasan AMJ," katanya.

Menurutnya, selain memerlukan sistem jalan raya yang sistematik, penduduk juga muhi isu pemilikan tanah di penempatan jalan kereta api lama melibatkan Kampung Belimbing Dalam dan Kampung Beringin dapat diselesaikan segera memandangkan isu itu sudah tertangguh lebih 10 tahun.

"Sudah terlalu lama penduduk di kawasan terabit menunggu pemilikan tanah penempatan mereka malah sudah ada yang meninggal dunia kerana sudah menunggu lama, isu-isu seperti ini diharap dapat diselesaikan segera kerana ia melibatkan kepentingan rakyat," katanya.

Bagi Borhan Maara, antara kemudahan infrastruktur baharu yang

Seorang penduduk, Noor Hisham Hashim, berkata, penduduk berharap kemudahan infrastruktur sedia ada dapat dinaik taraf kepada lebih baik dan menepati keperluan mereka.

"Kemudahan asas sedia ada seperti lampu jalan, rumah ibadat dan balai raya sudah sempurna namun saya amat berharap agar ianya dapat dinaik taraf mengikut keperluan penduduk pada masa sekarang.

"Misalnya, kita boleh lihat jum-

diperlukan selain sekolah menengah ialah pembinaan masjid baharu di Kampung Belimbing Dalam.

"Kami bersyukur DUN Durian Tunggal telah menikmati pelbagai perubahan pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri namun hakikatnya masih ada lagi penduduk yang menghadapi masa-



BORHAN



NOOR Hisham

BIODATA PENYELARAS DUN TUNGGAL

Nama : Datuk Ismail Ibrahim

Tarikh Lahir : 17 April 1959

Isteri : Jamiah Jaafar

Anak :

- 1) Norizah
- 2) Norizam
- 3) Nor Mohd Afiq
- 4) Nor Mohd Iezrie

Akademik : Diploma Pentadbiran Awam
Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Pengalaman Kerja : Senator Dewan Negara (Julai 2018 - Julai 2021)
Ahli Lembaga Pengarah MITC (2021)

Penglibatan NGO : Pengerusi Lembaga Pelawat Hospital Alor Gajah 2020 - sekarang
Pengerusi Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) DUN Durian Tunggal 1995 - sekarang



"Kewujudan masjid lama ini agak istimewa dan sering dipercatakan oleh masyarakat luar malah ada sebahagian besar dari mereka sanggup datang dari Singapura, Brunei dan negeri lain untuk melihat masjid lama ini," katanya.

Pada masa yang sama, kata Ismail, pihaknya akan berusaha meningkatkan hubungan dengan penduduk melalui kemudahan Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Durian Tunggal agar lebih mesra persekitarannya.

"Untuk itu juga, kita perkenalkan kemudahan Gerobok Rezeki sebelum pandemik COVID-19 melanda negara lagi, kita sudah ada kemudahan ini, bertujuan membolehkan penduduk datang ke JAPERUN dan mendapatkan bantuan yang diperlukan."

"Alhamdulillah, usaha yang digerakkan membawa hasil apabila semakin ramai penduduk khususnya mereka yang terkesan dan memerlukan bantuan telah datang ke JAPERUN untuk mendapatkan barang makanan harian," katanya.

INFOGRAFIK KAWASAN DUN DURIAN TUNGGAL

Jumlah Penduduk
29,800 Orang

Kawasan perumahan
JPKK : 10
Taman Perumahan : 35

Rumah Ibadat
Masjid : 6
Tokong : 3
Surau : 18

Jumlah Pengundi
13,340 Orang

Jumlah Keluasan
5,038.3407 hektar

Pendidikan
Sek Rendah : 4
Sek Menengah : 1
SKJC : 2
IPT : 2



lah kekurangan kemudahan asas seperti tiada lampu jalan dan kemudahan rumah ibadat.

"Penduduk semakin ramai, jadi saya harap ada peruntukan baharu yang boleh disalurkan untuk DUN Durian Tunggal bagi pembinaan masjid di kawasan ini kerana penduduk amat memerlukan," katanya.



MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

Peranan Musa'adah Covid-19 Agensi Agama Islam Melaka

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Menjadi keutamaan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) melalui Bilik Gerakan Musa'adah Covid-19 Agensi Agama Islam menyantuni mereka yang terjejas sepanjang tempoh sukar ini.

Sumbangan kit makanan kepada penduduk di negeri ini yang terjejas pendapatan diteruskan sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang dimumkan kerajaan bulan lalu.

Kini melalui Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 1, masih ramai rakyat yang terkesan dan sumbangan yang diberi ini sedikit sebanyak membantu mereka meneruskan kehidupan

“ Sumbangan itu disifatkan kecil, namun ia tetap besar maknanya kepada golongan yang memerlukan. ”

seharian.

Bantuan ini juga memberi seribu manfaat kepada penerima yang terkesan walaupun dari perspektif mereka yang berpendapatan tinggi, sumbangan itu disifatkan kecil, namun ia tetap besar maknanya kepada golongan yang memerlukan.

Bilik gerakan ini juga bekerjasama dengan Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPE-RUN) dalam memastikan penyampaian kit makanan dapat

diagihkan dengan lebih cepat.

Badan-badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut memainkan peranan membantu menyalurkan sumbangan kit makanan ini dan ia dapat mempercepatkan proses pengagihan kepada mereka yang benar-benar terjejas.

MAIM turut menyeru kepada mana-mana individu dan agensi korporat yang berminat untuk menyumbang boleh terus hubungi Bilik Gerakan Covid-19 Agensi Agama Islam Melaka di talian 06-2837416 / 2849809 sambungan 156.

Bilik Gerakan ini juga beroperasi di Pusat Islam Melaka bermula dari jam 9.30 hingga 3.30 petang sepanjang tempoh PKP 3.0.

Bahan makanan asasi seperti beras, gula, tepung, susu, sardin, garam, biskut, kopi dan minuman kordial merupakan antara bahan di dalam kit makanan yang disediakan.

Sehingga kini sebanyak lebih 12,000 kit makanan kecemasan Covid-19 ini telah disediakan dan diagihkan kepada penerima sepanjang tempoh PPN Fasa 1 ini.



**BILIK GERAKAN COVID-19
AGENSI AGAMA ISLAM MELAKA**

**SUMBANGAN KIT
BANTUAN
MAKANAN KECEMASAN
(MUSA'ADAH)**
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA

“ Ya Allah, aku berlindung denganMu daripada penyakit sopak, gila, kusta dan penyakit-penyakit yang buruk”

-Hadith Riwayat Abu Daud-

Pengagihan Fidyah Keutamaan Kami

**TABUNG MUSA'ADAH COVID-19
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA**

BANK ISLAM
04015 01000 6080



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](#) Facebook | [facebook/maimmelaka](#)



Bantuan Khas Ta'awun Aidiladha Saudara Muslim



TIMBALAN Pengurus MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud (kanan) bertanya khabar salah seorang asnaf mualaf yang hadir.



MD Rawi (kanan) bersama Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim hadir menyantuni dan menyampaikan sumbangan khas Aidiladha kepada salah seorang asnaf muallaf.



MUHAMMAD Ikram (kanan) meninjau proses pendaftaran dan pengagihan bantuan khas Aidiladha di Kompleks Darul Huda MAIM.



PEMATUHAN Prosedur Operasi Standard (SOP) amat dititik beratkan sepanjang proses pengagihan bantuan dilaksanakan.



MUFTI Melaka, Datuk Wira Abdul Halim Tawil menyampaikan sumbangan daging kepada asnaf bertempat di beberapa masjid sekitar daerah Melaka Tengah. Sebanyak 300 bungkus daging segar diagihkan pada Program Infaq Aidiladha ini yang juga merupakan penganjuran bersama Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan Jabatan Mufti Negeri Melaka (JNM).





PRIHATIN...Program ringkas serahan sumbangan dana perlu dan dana pelajar telah disempurnakan oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama, Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri baru-baru ini. Penganjuran bersama Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) itu memberi tumpuan kepada mereka yang terjejas antaranya komuniti pengayuh beca dan kakitangan Hotel Wakaf Pantai Puteri. Sumbangan turut melibatkan serahan 30 unit tablet kepada pelajar yang terdiri daripada tiga buah sekolah di sekitar Bukit Rambai Melaka.



SERAHAN sebanyak 94 kit makanan asas kepada Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Cawangan Alor Gajah yang akan disalurkan kepada orang yang kena pengawasan (OKP) yang diletakkan dibawah tanggungjawab AADK berkenaan. Serahan disempurnakan oleh Skuad Agihan Zakat Cawangan Masjid Tanah diketuai Pegawai Zakat, Mazfazil Ismail.

PEMBAYARAN ZAKAT DALAM TALIAN

Kaedah 1

FPX
izakat.com

- > Isikan maklumat
- > Pilih jenis zakat & jumlah
- > Pembayaran melalui online banking

Sila Imbas
www.izakat.com

ZAKAT MELAKA
Bersih Jiwa Suci Harta



Hanya **2.5%**

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com

ZAKAT MELAKA
Bersih Jiwa Suci Harta

Nabi Ibrahim A.S berkorban taat perintah Allah SWT



Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadzil

Ketua Pegawai Eksekutif,
Zakat Melaka,
Majlis Agama
Islam Melaka.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memutuskan rantaian pandemik COVID-19 ini. Sebagai umat Islam haruslah reda di atas ketentuan ujian yang dihadapi dengan penuh kesabarhan dan ketabahan.

Seseorang muslim yang mengaku beriman kepada Allah SWT dengan penuh kepatuhan dan ketaatan adalah mengikut segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Oleh itu, kita haruslah beribadah semata-mata kerana-Nya bagi memperolehi kesejahteraan hidup di dunia mahupun di akhirat kelak. Kewujudan pengorbanan hidup seseorang itu memberi maksud perihal mengorbankan segala sesuatu sama ada harta benda, jiwa raga, nafsu, tingkah laku, akhlak dan segala bentuk keupayaan serta usaha membawa diri seseorang itu mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Pengorbanan ini bukan hanya ibadah semata-mata. Malah menerapkan nilai-nilai murni dalam apa sahaja pekerjaan termasuklah dalam menjalankan tugas. Sebagai contoh, seseorang yang bersungguh-sungguh bekerja

menyiapkan tugasan harian sehingga melebihi masa dan waktu bekerja demi menghasilkan kerja yang berkualiti. Ada kalanya seseorang itu juga sanggup berjauhan dengan ibu dan ayah, isteri dan anak-anak di kampung halaman demi mencari rezeki untuk keluarganya. Ada kalanya seseorang itu menjalankan tanggungjawab terhadap kerjayanya dengan mengenepikan kepentingan peribadi demi kepentingan masyarakat dan negara supaya dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT seterusnya menjadikan sebagai salah satu ibadah.

Namun begitu, bagi memahami konsep pengorbanan yang lebih mendalam adalah melalui kisah pengorbanan antara Nabi Ibrahim A.S dan anaknya Nabi Ismail A.S. Kisah ini merupakan sejarah pengorbanan yang mempunyai banyak ikhtibar dan pengajaran yang perlu dicontohi oleh semua orang. Peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim A.S diuji oleh Allah SWT dengan diperintahkan untuk melakukan penyembelihan atau korban ke atas anaknya Nabi Ismail A.S. Walaupun hati Nabi Ibrahim berat untuk menerima, namun atas dasar ketaatan dan kepatuhan perintah Allah SWT, dengan diminta oleh Nabi Ismail A.S supaya mengikut perintah Allah SWT. Maka dengan hati yang ikhlas dan penuh keimanan dan ketakwaan Nabi Ibrahim A.S bersedia untuk menyembelih anaknya itu. Ketika Nabi Ibrahim A.S hendak menyembelih puteranya itu, lalu secara tidak langsung Nabi Ismail A.S digantikan dengan seekor kibas (kambing).

Rentetan daripada peristiwa tersebut, saban tahun kita akan melaksanakan penyembelihan binatang-binatang korban pada Hari Raya

Aidiladha, lalu diagihkan kepada golongan yang kurang berkemampuan sebagai tanda kesyukuran. Sepertimana sebuah hadis Nabi SAW,

Yang bermaksud: "Tiada dibuat oleh anak Adam pada Hari Raya Aidiladha akan sesuatu amal yang lebih disukai Allah SWT daripada menumpahkan darah (menyembelih korban). Bahawa korban itu datang pada hari kiamat dengan tanduk-tanduknya, bulu-bulunya dan kuku-kukunya. Sesungguhnya darah korban itu mengambil tempat yang mulia di sisi Allah SWT sebelum darah itu tumpah ke bumi, maka hendaklah kamu buat korban itu dengan hati yang bersih." (Hadis Riwayat Imam Tirmizi dan Al-Hakim)

Oleh yang demikian, setiap pengorbanan ini tidak kiralah harta, kekayaan, jiwa atau sebagainya adalah kembali kepada mereka yang kurang bernasib baik. Ianya bagi menjaga hubungan sesama manusia kepada manusia dimana golongan kaya membantu golongan miskin. Golongan kaya mengeluarkan hartanya ke jalan Allah SWT supaya memberi manfaat kebaikan kepada golongan miskin yang mendapatkan kesejahteraan hidup golongan yang berharta. Harta yang dikeluarkan ke jalan Allah SWT adalah ibadah zakat yang amat dituntut oleh Allah SWT dalam menjaga hubungan sesama manusia. Wal-lahu 'alam.

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari www.izakat.com atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian what-sapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut. Sekian terima kasih.



5 Kaedah Berwakaf



Potongan Gaji

Secara Bulanan Minima RM2.00

3



Aplikasi BOOST
Muat Turun di Google Play Store & Apple App Store

Untuk maklumat lanjut, sila layari Portal iwakaf.maim.gov.my



Di Kaunter
Aras bawah
Bangunan Majlis
Agama Islam Melaka
(MAIM)



**Melalui Akaun
BANK ISLAM**
04015010017434
Saham Wakaf Majlis
Agama Islam Melaka

4



e-BAYAR
Bayaran Wakaf Tunai
Bayaran Fidyah
ebayar.melaka.gov.my

5

Fatwa Kebangsaan

Berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah **DIBOLEHKAN** di dalam Islam
(Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke - 77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 di Primula Beach Resort, Kuala Terengganu)

Perundungan

Mengikut Seksyen 77, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 menjelaskan :

"Walapun apa pun peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau pengisyiahara yang mewujudkan, mengawal atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadikan Pemegang Amanah Tunggal Wakaf Negeri Melaka"



1-300-88-0233

www.izakat.com

Zakat Melaka

zakat.melaka


Zakat Melaka





Proses vaksinasi melalui aplikasi MySejahtera & Laman Sesawang Khas

DOS 1



DOS 2



* Bagi jenis vaksin satu dos, sijil akan diberi sebaik selesai suntikan dos pertama

Kesan sampingan / AEFI boleh dilaporkan oleh individu melalui 3 cara:

1. Maklumkan kepada fasiliti kesihatan berdekatan
2. Melalui aplikasi MySejahtera
3. Layari laporan ConSERF NPRA www.npra.gov.my



WWW.KIBGIM.COM SCAN HERE

SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: MATEMATIK

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &
MINGINSPIRASI
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

SUBJEK : MATEMATIK

SUDUT REVISI BAB TINGKATAN 3 DAN 4


SUKATAN DAN GEOMETRI
MEASUREMENT AND GEOMETRY

1. Luas lelayang = $\frac{1}{2} \times$ hasil darab panjang dua pepenjuru
Area of kite = $\frac{1}{2} \times$ product of two diagonals
2. Luas trapezium = $\frac{1}{2} \times$ hasil tambah dua sisi selari \times tinggi
Area of trapezium = $\frac{1}{2} \times$ sum of two parallel sides \times height
3. Luas permukaan silinder = $2\pi j^2 + 2\pi jt$
Surface area of cylinder = $2\pi r^2 + 2\pi rh$
4. Luas permukaan kon = $\pi j^2 + \pi js$
Surface area of cone = $\pi r^2 + \pi rs$
5. Luas permukaan sfera = $4\pi j^2$
Surface area of sphere = $4\pi r^2$
6. Isi padu prisma = luas keratan rentas \times tinggi
Volume of prism = area of cross section \times height
7. Isi padu silinder = $\pi j^2 t$
Volume of cylinder = $\pi r^2 h$
8. Isi padu kon = $\frac{1}{3}\pi j^2 t$
Volume of cone = $\frac{1}{3}\pi r^2 h$
9. Isi padu sfera = $\frac{4}{3}\pi j^3$
Volume of sphere = $\frac{4}{3}\pi r^3$
10. Isi padu piramid = $\frac{1}{3} \times$ luas tapak \times tinggi
Volume of pyramid = $\frac{1}{3} \times$ base area \times height

CONTOH FORMAT SPM 2021 (1449/1) - MATEMATIK KERTAS 2

BAHAGIAN A

1. Sebuah syarikat emas menghasilkan emas pandora menggunakan bar emas berbentuk prisma trapezium seperti Rajah 1.
A gold company produces pandora gold by using a gold bar with shape of trapezium prism as shown in Diagram 1.



Rajah 1 / Diagram 1

Diberi panjang sisi selari dan tinggi tapak trapezium ialah 7cm, 5cm dan 5 cm, masing-masing dan tinggi prisma ialah 0.15m. Berapakah emas pandora berbentuk sfera yang berdiameter 14mm dapat dihasilkan dari satu bar emas itu?
Given that the parallel sides and height of trapezium base are 7cm, 5cm and 5 cm, respectively, and the prism height is 0.15m. How many pandora gold of sphere shape with diameter of 14mm can be produced by using a gold bar?

[4 markah / 4 marks]

2. Sekumpulan 2 orang murid lelaki (Daniel, Chong) dan 2 orang murid perempuan (Krisha, Lily) menyertai satu pertandingan matematik. Setiap bahagian mempunyai dua soalan, dua orang murid dipilih secara rawak untuk bertanding. Murid pertama dipilih akan menjawab soalan pertama dan murid kedua dipilih akan menjawab soalan kedua.

A group of 2 male students (Daniel, Chong) and 2 female students (Krisha, Lily) are attending a mathematics competition. In each section consists two questions, two of them will be chosen at random to compete. The first student is chosen to answer the first question and the second student is chosen to answer the second question.

Berdasarkan maklumat tersebut,

Based on the above information,

- i. Senaraikan semua pasangan yang mungkin.
list all the possible pairing.

Dengan menyenaraikan semua kesudahan yang mungkin bagi peristiwa itu, cari kebarangkalian bahawa,

By listing all the possible outcomes of the event, find the probability that

- a) Sekurang-kurangnya seorang murid perempuan dipilih,
at least one female student is chosen,
- b) dua murid berlainan jantina dipilih.
both students in different genders are chosen.

[5 markah / 5 marks]

JAWAPAN

1. Bagi mendapatkan bilangan pandora emas yang berbentuk sfera, pelajar perlu mendapatkan isipadu bagi bar emas dan pandora emas dahulu. Diberi panjang sisi selari dan tinggi tapak trapezium ialah 7cm, 5cm dan 5 cm, masing-masing dan tinggi prisma ialah 0.15m. Juga sfera berdiameter 14mm.

$$0.15m = 15\text{cm}$$

$$14\text{mm} = 1.4\text{cm}$$

Menggunakan formula (2) dan (6). Maka,

Isi padu prisma = luas keratan rentas \times tinggi

$$\begin{aligned} \text{Isi padu prisma} &= \frac{1}{2} \times \text{hasil tambah dua sisi selari} \times \text{tinggi trapezium} \times \text{tinggi prisma} \\ &= \frac{1}{2} \times (7+5) \times 5 \times 15 \\ &= 450\text{cm}^3 \end{aligned}$$

Manakala, jejari sfera ialah $1.4 \div 2 = 0.7$. Maka,

$$\begin{aligned} \text{Isi padu sfera} &= \frac{4}{3}\pi j^3 \\ &= \frac{4}{3} \times \frac{22}{7} \times 0.7^3 \\ &= 1.437\text{cm}^3 \end{aligned}$$

Oleh itu, bilangan pandora emas berbentuk sfera diperoleh dengan

$$\frac{\text{isipadu prisma}}{\text{isipadu sfera}} = \frac{450}{1.437} = 313. \quad (\text{perlu diambil nilai integer sahaja})$$

2. i) Memandangkan kebarangkalian tidak bersandar, maka pasangan yang mungkin boleh disenaraikan dengan menggunakan kotak

	Daniel (D)	Chong (C)	Krishna (K)	Lily (L)
Daniel (D)	✗	(D, C)	(D, K)	(D, L)
Chong (C)	(C, D)	✗	(C, K)	(C, L)
Krishna (K)	(K, D)	(K, C)	✗	(K, L)
Lily (L)	(L, D)	(L, C)	(L, K)	✗

ii) a) sekurang-kurangnya seorang murid perempuan dipilih,

$$= \{(D, K), (D, L), (C, K), (C, L), (K, D), (K, C), (K, L), (L, D), (L, C), (L, K)\}$$

$n(\text{semua kemungkinan}) = 12$

$n(\text{sekurang-kurangnya seorang murid perempuan dipilih}) = 10$

kebarangkalian sekurang-kurangnya pelajar perempuan dipilih

$$\begin{aligned} &= \frac{n(\text{sekurang-kurangnya pelajar perempuan dipilih})}{n(\text{semua kemungkinan})} \\ &= \frac{10}{12} \\ &= \frac{5}{6}. \end{aligned}$$

b) dua murid berlainan jantina dipilih.

$$= \{(D, K), (D, L), (C, K), (C, L), (K, D), (K, C), (L, D), (L, C)\}$$

$$n(\text{dua murid berlainan jantina dipilih}) = 8$$

$$n(\text{semua kemungkinan}) = 12$$

kebarangkalian dua murid berlainan jantina dipilih

$$\begin{aligned} &= \frac{n(\text{dua murid berlainan jantina dipilih})}{n(\text{semua kemungkinan})} \\ &= \frac{8}{12} \\ &= \frac{2}{3}. \end{aligned}$$



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

FILIPINO historian Leonard Y. Andaya called it the “Sea of Malayu.” The first reference to this space, is from an Arabic document dated circa 1000. It noted that travellers “reaching the Sea of Malayu, were approaching the area of China.” Melakan chronicler Eredia, writing in 1613, also used the phrase “Sea of Malayu” – enclosed by Ujontana (Malay Peninsula) and the Golden Chersonese (Sumatra).

Eredia privileges land over water. He believed that the “Sea of Malayu” referred simply as the Straits of Melaka. But for the Malays shaped by their orientation to the sea, and the riverine environment, stretches of land were not seen as barriers. It fortunately could be breached. As argued before, the Malays see rivers, streams, straits, the seas and the oceans as connecting waterways; not barriers and boundaries.

Within that space of the “Sea of Malayu,” ethnicities, identities, cultures and languages were forged. The “Malay sea” is a far larger unity than that proposed by Eredia. Andaya commented that the general reference to the “Sea of Malayu” approaching the area of China represented an extensive network viewed as one sea stretching from India to Vietnam.

In his 2008 book, *Leaves of the Same Tree: Trade and Ethnicity in the Straits of Melaka*, he called the sea “Malayu” after the Malays whom he described as “most prominently associated with this particular body of water.”

“THERE existed a continuous “sea” linking southern India and Sri Lanka to the Bay of Bengal, Sumatra, the Straits of Melaka, the Malay Peninsula, the Gulf of Siam, the South China Sea, the Lower Mekong and Central Vietnam. The Straits of Melaka was the pivotal point in the network of the “Sea of Malayu” communities”

He proposed the “Sea of Malayu” to mean a community of settlements conjoined through extensive through extensive and intensive economic and cultural interactions.

From the late seventh century, the Malays would have played a role in such a network. There existed a continuous “sea” linking southern India and Sri Lanka to the Bay of Bengal, Sumatra, the Straits of Melaka, the Malay Peninsula, the Gulf of Siam, the South China Sea, the Lower Mekong and Central Vietnam. The Straits of Melaka was the pivotal point in the network of the “Sea of Malayu” communities. The “beginning” and “end” of the seasonal monsoon winds regulated patterns of movements.

Andaya, Professor of Southeast Asian History at the University of Hawai'i noted that the most prominent site on the west coast of the Isthmus of Kra was in South Kedah, known to the Chinese in the seventh and eight centuries as “Jiecha.” Kedah was an ideal midway point for traders and pilgrims, whose ultimate destinations were India or China and beyond.

The Space of *Lautan Melayu*: Kedah in the Transpeninsular Routes

References in Tamil to Kadaram, or Kidaram, and in Sanskrit to Kataha, refer to South Kedah. The Arabs refer the site as Kalah “located at a place where ships docked to await the shift of monsoon winds.” There was no agreement whether Kalah refers to a town, an island, a kingdom or a region. Kalah may refer to a number of settlements over the centuries serving the same function.

The various names for the Kedah coast at different periods would be Chia-cha or Chiech-ch'a and Kolo in the seventh century; Kataha between the eighth and eleventh centuries, and Kalah between the ninth and fourteenth centuries; and Kadaram in the eleventh century.

Of the numerous historical sites in south central Kedah, all were located beside rivers, or near the coast, and hence ideally placed for trade. The centers at Kampong Sungai Mas and Pengkalan Bujang later depended upon river access to reach the coast. Andaya explained that the shifting rivers and coastlines on both the east and west coasts of the Isthmus of Kra and Malay Peninsula forced the major centers to relocate at various times in their history, accounting for the various names and locations.

The south Kedah sites may have been settled as early as the fifth century CE. Inscriptions at Kampung Sungai Mas, Bukit Meriam, and Cherok Tokun (Cherok Tok Kun) all dated from the fifth century. Cherok Tok Kun is in present-day Bukit Mertajam in Seberang Perai.

The Kedah ports produced large number of artifacts. In the Merbok estuary, the port of Pengkalan Bujang traded in Chinese ceramics from the southern Song and Yuan periods.



MAP of ancient Melayu realm, based on a popular theory Malaya Kingdom relates with Jambi, Sumatra.

shadowed by other peninsular harbours.

Andaya emphasized that that the continuity of ports of south Kedah reinforces the idea that the location continued as an important stopping-off point in the trade trajectory from the Red Sea and the Persian Gulf to China. Both South Kedah ports and Srivijaya offered similar advantages to traders and other travellers – with one on the northern and the other the southern entrance to the Straits of Melaka. South Kedah had a longer tradition, and was better known.

Significantly, on both shores at the northern end of the Straits of Melaka and on the coastline at the Bay of Bandon lived the core of communities of the Sea of Malayu. It was a midway point. The space provided Southeast Asian products to the known world then.

From the Isthmus of Kra and the Malay Peninsula, traders proceeded eastward to the Lower Mekong and central Vietnam – the eastern edge of the Lautan Melayu – before finally entering China.

**NEXT WEEK:
The Sounds of Keroncong**

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.

Status OKU bukan penghalang bertani

Din Ahmad

TANJUNG BIDARA – Status orang kurang upaya (OKU) bukan penghalang untuk Mohd Azhari Abdullah, 20, berjaya dalam pengajian dan pertanian.

Penuntut Kolej Matrikulasi Melaka (KMM) di sini itu membuktikan kecacatan bukanlah halangan untuk menceburi sektor pertanian selain turut berjaya dalam akade-

mik.

Sebaliknya, Mohd Azhari yang mengalami masalah pertuturan sejak lahir, memanfaatkan tanah di belakang kediamannya di Kampung Ayer Hitam Pantai, di sini untuk menanam cili padi bara melalui bimbingan neneknya, Jamilah Nasir, 60.

Minat berkenaan timbul selepas penternakan ikan keli dalam kanvas yang diusahakannya ber-

“KAMI bernasib baik kerana ikan keli yang kami pelihara sebelum PKP 3.0 sudah boleh dipasarkan pada harga RM8 sekilogram dan dapatlah kami berbelanja untuk keluarga,”

sama-sama nenek dan ibunya, Ju-naidah Tompong, 39, berjaya.

“Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dilaksanakan awal Jun lalu, ibu yang kerja kilang hanya bekerja tiga hari seminggu manakala nenek yang kerja di kantin dalam KMM juga terpaksa bercuti.

“Kami bernasib baik kerana ikan keli yang kami pelihara beberapa bulan sebelum PKP 3.0 sudah boleh dipasarkan pada harga RM8 sekilogram dan dapatlah kami berbelanja untuk keluarga,” katanya ketika ditemui di kebun cili padinya hari ini.

Dia berkata, sejak menamatkan



JAMILAH memberi makan kepada ikan keli dalam kanvas di belakang kediamannya.

pengajian di KMM pada Mei lalu, dia mengusahakan penanaman cili padi bara dalam 100 poli beg, selain 700 pokok secara konvensional.

Mohd Azhari berkata, keputusan peperiksaan semester keempat yang diperoleh pada Khamis lalu memberi sinar untuknya melanjutkan pengajian ke universiti awam.

Bagi subjek Biologi, dia mem-

peroleh gred B, selain Sains Komputer 2 (A), Kimia 2 (B), Matematik 2 (B-), Bahasa Inggeris 2 (C) dan Kokurikulum (A).

Dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.0 dia bercita-cita melanjutkan pengajian dalam bidang sains komputer di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Durian Tunggal.



MOHD Azhari mengusahakan 700 batang pokok secara konvensional di kebun berhampiran kediamannya di Kampung Ayer Hitam Pantai, Tanjung Bidara.



PERODUA SALES SDN BHD
(CAWANGAN UTAMA MELAKA)

3S *SALES • SERVICE • SPARE PART*



0% SST EXTENDED

- ✓ PROSES SEGERA
- ✓ PEMBELIAN ATAS TALIAN (ONLINE)
- ✓ PENGHANTARAN CEPAT
- ✓ TRADE IN TERUS KE PERODUA
- ✓ PEMBAHARUAN INSURAN DAN CUKAI JALAN



WATIE
Sales Advisor
011-338 3121



RIZUAN
Sales Advisor
012-631 7357



NORSHAM
Sales Advisor
012-251 1973



SUHAIDA
Sales Advisor
017-694 7904



JALIL
Sales Advisor
012-276 6501



SIMON LEE
Sales Advisor
016-656 9801



YATIM
Sales Advisor
018-269 1172

PENINSULAR MALAYSIA

ALZA
PRICE FROM
RM49,944

MYVI
PRICE FROM
RM41,292

ARUZ
PRICE FROM
RM68,526

ATIVA
PRICE FROM
RM61,500

BEZZA
PRICE FROM
RM33,456

AXIA
PRICE FROM
RM23,367



**DON'T WAIT UNTIL YEAR END!
BOOK NOW WHILE TAX
HOLIDAY CONTINUES**



DR. SHANKAR GUNARASA



KERADANGAN appendix (appendicitis) adalah masalah yang biasa di lihat oleh pakar bedah. Pembedahan seringkali juga dilakukan sebaik sahaja pengesahan masalah ini dibuat, biasanya melalui ultrasound atau CT scan dan juga selepas ujian darah.

Bagaimanakah anda tahu sekiranya anda menghadapi masalah ini?

Sebelum itu, tahukah anda apa itu organ appendix dan di mana letaknya di bahagian abdomen kita?

Apendiks adalah kantung kecil dan nipis yang mempunyai kepanjangan sekitar 5 hingga 10 cm. Ia dihubungkan dengan usus besar di bahagian caecum.

Sebenarnya appendix ini di kenali dalam bidang perubatan sebagai "vestigial organ" iaitu organ yang telah hilang fungsi-

nya dalam badan manusia. Pengelurannya tidak akan memudaratkan kita sama sekali.

Masalah appendicitis ini tidak mengehal sesiapa, boleh di hidapi oleh semua lapisan masyarakat dan peringkat umur. Appendicitis ini biasanya bermula pada kesakitan di bahagian ulu hati atau di tali pusat, kemudian kesakitannya akan berhijrah ke bahagian bawah kanan (right iliac fossa) pesakit di mana pundi appendix ini terletak. Keradangan ini berlaku bila cebisan najis (fecolith) atau bijiran makanan tersebut di tangkal pundi appendix.

Kesakitanya ini juga akan diikuti dengan rasa

- Loya
- Muntah
- Kehilangan selera makan
- Demam bila ada kesan nanah atau kebocoran appendix
- Perbuatan berjalan atau batuk akan menyebabkan abdomen lebih sakit
- Cirit birit

Tetapi simptom simptom ini juga mirip masalah lain yang boleh di kelirukan. Antara-

nya ialah

- Jangkitan Crohns atau Ulcerative colitis
- Keradangan usus besar
- Jangkitan kuman pundi kencing
- Simptom usus besar seperti IBS

Tetapi bagi golongan wanita pula, kesakitan di bawah kanan abdomen boleh berpunca dari organ lain dan boleh menandakan masalah lain. Antaranya ialah

- Permulaan haid
- Cyst ovarii yang besar
- Cyst ovarii yang telah berputar
- Kandungan luar rahim yang boleh memudaratkan sekiranya tidak di diagnosis dan di rawat secara awal
- Jangkitan kuman di saluran rahim/ovary
- Keradangan pelvik (PID)


peritonitis terjadi, jika tidak di rawat boleh membawa maut kepada pesakit. Oleh itu anda perlu berjumpa dengan doktor sekiranya terdapat kesakitan di bahagian abdomen.

Biasanya pembedahan dilakukan secara laparoskopik dan pesakit dapat pulang sehari dua selepas pembedahan. Seperti pembedahan lain, pembuangan appendix secara terbuka atau laparoskopik ada risikonya seperti

- Pengumpulan nanah di pelvik, terutamanya sekiranya appendix telah pecah atau bernanah
- Kesan parut terutamanya sekiranya pembedahan dilakukan secara open appendicectomy
- Hernia di parut pembedahan
- Pendarahan di bawah kulit yang boleh menyebabkan hematoma

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan pembedahan atau masalah kesihatan yang lain, anda boleh berhubung dengan **Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopik dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka** di talian 06 2319999 Samb; 2131

Masalah Keradangan Appendix (Appendicitis)




Barah seperti barah carcinoid appendix boleh berlaku di mana ketumbuhan berlaku di sepanjang appendix, biasanya di kepala appendix. Ia sejenis barah neuroendocrine dan kerap berlaku di pundi appendix. Masalah ini lebih berlaku di golongan wanita berbanding dengan golongan lelaki. Kebanyakannya selalu di jumpai secara kebetulan semasa appendicectomy, bila pakar pathologi memeriksa specimen appendix tersebut. Sekiranya barah carcinoid di appendix berlaku di tangkal appendix dan saiznya lebih dari 2cms, pembedahan kolektomi (pemotongan usus besar) terpaksa dilakukan.

Apakah komplikasi yang boleh berlaku dari masalah appendicitis ini?

Antaranya ialah

- Peritonitis bila appendix tersebut telah pecah atau bocor
- Appendix berabscess

Masalah appendicitis ini perlu di beri perhatian kerana sekiranya kebocoran berlaku dan



Pengalaman mistik 'Hang Nadim tukang cerita'

FIQAH JAMAL

FOTO MR AZLI

BUNYI derapan tapak kaki seolah dikejar, 'ditegur' jelmaan misteri dan pelancong diserang histeria antara pengalaman mistik yang dialami Pemandu Pelancong Muzium Sejarah dan Etnografi, S.R Nathan, 58.

Turut dikenali sebagai 'Hang Nadim tukang cerita' dalam kalangan pelancong yang melawat muzium di Bangunan Stadhuis yang juga dikenali sebagai Rumah Merah itu, Nathan mengakui bangunan itu menyimpan seribu satu misteri sehingga kini.

Nathan yang berpengalaman selama 38 tahun di tiga muzium di bawah Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) berkata, pelbagai pengalaman pahit, manis, seram dan misteri dialaminya sepanjang bergejolok pemandu pelancong dalam muzium berkenaan.

MISTIK DI MUZIUM

Kompleks Muzium Sejarah dan Etnografi itu turut menempatkan Mu-

zium Pendidikan, Muzium Sastera, Muzium Pemerintahan Demokrasi, Muzium Tuan Yang Terutama dan Galeri Laksamana Cheng Ho.

Menurutnya, muzium yang mempamerkan sejarah awal pembubuhan Melaka sehingga ke zaman penjajahan Portugis, Belanda, Inggeris dan Jepun sehingga negara mencapai kemerdekaan itu mempunyai 'penjaga' tersendiri.

"Kalau nak diikutkan, memang banyak cerita seram yang saya alami sendiri ketika bertugas di Muzium berkeluasan 49,200 kaki persegi ini.

"Pernah satu ketika, masa tu saya bertugas di aras dua, bermula di ruang Zaman Kesultanan Melayu Melaka sehingga ruang zaman jajahan Portugis saya tutup lampu tiba-tiba saya terdengar derapan tapak kaki seolah berkawad dari jauh dan bunyinya semakin hampir.

"Tapi bila saya pusing tiada apa-apa, saya toleh ke depan sahaja, bunyi itu seolah-olah mengejar saya kerana bunyi yang sangat dekat.

"Rupanya bukan saya sahaja yang berdepan situasi demikian, rakan setugas juga pernah terkena

dan boleh dikatakan mana-mana tempat lama memang ada 'penjaga', "ujarnya.

PELAWAT HISTERIA, DISAPA LEMBAGA

Dia mengakui segala gangguan ditepis menggunakan cara tersendiri bagi mengatasi kesulitan ketika bekerja.

"Percaya atau tidak, semasa bertugas untuk tutup lampu di aras satu di kawasan Rumah Melaka, jelmaan sosok wanita berambut panjang terjurai berdiri di sebelah saya selepas lampu ditutup dan di kawasan yang sama pernah terlihat secara rambang kelibat kanak-kanak dan lembaga seram melintas.

"Pernah juga pelancong dalam kalangan pelajar kolej diserang histeria ketika membuat lawatan di muzium tersebut sehingga terpaksa memanggil ustaz untuk mengubati pelancong terbabit.

"Berdepan perkara mistik ini lama kelamaan saya sudah lari dan kami petugas di muzium ini tetap meneruskan kerja seperti tiada apa-apa berlaku namun jangan terlalu



NATHAN ketika meninjau kawasan Muzium Sejarah dan Etnografi Sastera di bangunan Stadhuis, Banda Hilir.

membangga diri," katanya.

PELAPIS WAJIB DALAMI SEJARAH

Nathan turut memberikan nasihat kepada pelapis-pelapis muda untuk mendalami sejarah selain perlu menghayati sejarah itu sendiri untuk memudahkan pelancong faham semasa memberi taklimat.

Jelasnya, hal ini kerana ramai

dalam kalangan pelancong mengunjungi muzium cakna akan sejarah dan kebanyakan darinya akan sering bertanya persoalan sejarah yang lebih mendalam.

"Nasihat saya, kepada pelapis pemandu pelancong dalam muzium kelak, kerjaya ini umpama wira tidak didendang, kita perlu sentiasa menyemai nilai-nilai sejarah dalam diri sebelum semai kepada pengunjung muzium," jelasnya.

IKLANEKA

PILIHAN RUANG
**PENGIKLANAN
YANG BIJAK!**

Hubungi :

06 251 9315 / 018 329 9936



**Serendah
RM50
Sahaja!!**

**AUTOMOTIF**

Kereta
Motosikal
Trak
Bas
Lori

**HARTANAH**

Perumahan
Rumah Kedai
Lot Tanah

**KERJAYA**

Sepenuh masa
Separuh masa
Latihan
Skim Graduan

**KLASIFIKASI AM**

Perkhidmatan
Kecantikan
Kesihatan
Perabot

**NOTIS**

Lelongan
Guaman
Kewangan
Tender
Notis Am



www.melakahariini.my



Melaka Hari Ini

Menara Kebudayaan dicadang di Melaka

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH – Satu daripada sembilan menara The Sail Melaka akan dijadikan sebagai Menara Kebudayaan China-Melaka pertama di Malaysia.

Menara dinamakan sebagai ‘*Sheng Tai’s Maritime Cultural Tower*’ itu dibangunkan Pemaju hartanah, Sheng Tai International Sdn Bhd.

Menurut Pengasas dan Pengerusinya, Datuk Leong Sir Ley berkata, menara berketinggian 61 tingkat dan berkeluasan 350,000 meter persegi itu merangkumi pelbagai industri termasuk seni dan budaya; baba nyonya; fesyen; makanan dan pendidikan.



SIR Ley

“ Kami cukup teruja untuk membawa menara kebudayaan unik ini kepada pelabur asing dengan China sebagai sasaran pasaran utama. ”

Katanya, bagi setiap suite boleh mencapai sehingga 2,000 meter persegi yang ditetapkan harga serendah RM500,000.

“ Kami cukup teruja untuk membawa menara kebudayaan unik ini kepada pelabur asing dengan China sebagai sasaran pasaran utama. ”

“ China adalah satu daripada pelabur terbesar Sheng Tai International mewakili lebih daripada separuh jualan keseluruhan *The Sail Melaka*. ”

“ Kami percaya menara kebudayaan itu adalah penting untuk menyambungkan kita dengan pelanggan semasa dan pelanggan China berpotensi, yang belum dapat melawat projek itu disebabkan larangan bergerak semasa pandemik ini, ” katanya.

Beliau berkata demikian pada Pelancaran Menara Budaya Pertama *The Sail Melaka* menerusi aplikasi Zoom di sini, baru-baru ini yang turut dihadiri Duta Khas Melaka ke China merangkap Naib Pengerusi Jonker Walk, Datuk Gan Tian Loo.

Sir Ley berkata, projek pembangunan bagi menara kebudayaan itu kini dalam proses pembinaan yang sudah mencapai 80 peratus.

Bagaimanapun katanya, berdasarkan situasi negara yang masih berdepan cabaran menganai pandemik COVID-19, pembangunan itu terhenti seketika.

“ Dengan melihat situasi semasa pandemik, sudah tentu ia memberi kesan terhadap pembangunan projek berkenaan dan saya tidak dapat memberikan gambaran waktu sebenar projek berkenaan akan disiapkan. ”

“ Apabila tidak dibenarkan beroperasi (bagi sektor pembinaan) kita perlu akur, namun apabila dibenarkan kita akan teruskan dan apa yang boleh dikatakan projek itu masih dalam proses disiapkan mengikut fasa, ” katanya.

Untuk rekod, projek mega *The Sail* merangkumi sembilan menara, setiap satu terdiri daripada 61 tingkat mengandungi 3,259 unit kondotel mewah; tiga menara hotel lima dan enam bintang berjumlah 2,584 unit.

Projek mega itu turut merangkumi, 215 unit suite bisnes selain dataran kebudayaan berkeluasan 36,2938 kaki persegi yang memuatkan 65 unit kedai berhadapan Selat Melaka.

Suami di Pahang, isteri dan kekasih jual dadah di Melaka

ALOR GAJAH – Wanita anak dua berstatus isteri orang ditahan polis bersama lelaki dipercayai kekasihnya ketika leka membungkus dadah di sebuah rumah di Kuala Sungai Baru, 21 Julai lepas.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Melaka, Superintendant Zulkiflee Rashid berkata, wanita anak dua berusia 30 tahun dan kekasihnya berumur 32 tahun itu ditahan Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (BSJN) Alor Gajah, hasil maklumat awam.



ZULKIFLEE

Menurutnya, pemeriksaan di sebuah bilik rumah lelaki berkenaan menemui lapan peket plastik lutsinar berisi dadah disyaki heroin seberat 89.18 gram.

“ Turut ditemukan, tujuh peket plastik dipercayai syabu seberat 12.15 gram, kerang (kepingan timah) berisi enam biji pil Erimin 5 disyaki dadah keseluruhannya dianggarkan bernilai RM6,000. ”

“ Polis turut menjumpai alat-alat mengisap syabu dan alat penimbang yang dipercayai untuk kegunaan membungkus dadah. ”

“ Kedua-dua suspek dipercayai aktif menjadikan rumah sewa lelaki itu sebagai tempat membungkus dadah sebelum menjualnya kepada penagih sekitar sebulan lalu, ” katanya ketika dihubungi di sini 22 Julai lepas.

Tambahnya, hasil ujian saringan air kencing terhadap kedua-dua suspek didapati positif dadah jenis jenis methamphetamine.

“ Semakan mendapat lelaki dan kekasihnya itu masing-masing turut mempunyai 11 dan empat rekod dadah. ”

“ Difahamkan, suami wanita terabit bekerja di Pahang manakala suspek serta dua anaknya tinggal di Melaka dan tidak berjumpa sejak larangan rentas negeri berkuatkuasa, ” katanya.

Zulkiflee berkata, kedua-dua suspek direman selama tujuh hari sehingga 28 Julai ini.

Kes disiasat mengikut Seksyen 39B, Seksyen 39A (1), Seksyen 12(2) dan Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

“ Semakan mendapat lelaki dan kekasihnya itu masing-masing turut mempunyai 11 dan empat rekod dadah. ”

Zoo Melaka perlu kontena sejuk beku



SHADAN (kanan) menunjukkan kontena sejuk beku sedia ada tidak mampu menampung lebihan makanan yang disumbangkan di Zoo Melaka.

Faiz Hasan

AYER KEROH – Zoo Melaka memohon sumbangan orang ramai bagi membeli kontena sejuk beku baharu untuk penyimpanan lebihan bekalan makanan 500 haiwan peliharaannya.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Datuk Shadan Othman berkata, pihaknya memerlukan kira-kira RM30,000 bagi membeli sebuah lagi kontena sejuk beku untuk menyimpan pelbagai sumbangan makanan

diterima.

“ Zoo Melaka menerima lapan tan makanan buat haiwan di zoo ini termasuk daging dan sayur-sayuran, namun kita terpaksa menolaknya berikutan setakat ini lima tan yang diterima menghadapi kekangan untuk

penyimpanan. ”

“ Dengan adanya kontena sejuk beku sekali gus membolehkan Zoo Melaka untuk bertahan sekitar lima hari bagi menyimpan kira-kira 500 kilogram daging dan 300 kilogram sayur-sayuran yang diperlukan. ”

“ Selain itu, apabila kontena ini diperoleh program ‘food bank’ yang disumbangkan orang ramai ke Zoo Melaka mampu dikekalkan dan lebihan makanan yang diterima juga akan disalurkan kepada taman-taman haiwan di Melaka seperti di A Famosa Safari Wonderland, ” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media diadakan di Zoo Melaka, di sini baru-baru ini.

Menurut Shadan, ketika ini Zoo Melaka memiliki tiga kontena sejuk beku dan terpaksa menyewa sebuah kontena lain berkapasiti tiga tan dengan sewa RM2,000 sebulan bagi menempatkan barang makanan yang disumbangkan.

“ Orang ramai yang ingin menyalurkan sumbangan boleh terus ke laman Facebook Zoo Melaka untuk mendapatkan maklumat lanjut, ” katanya.

‘Lagi meriah raya dalam PKRC’

Liana Sahabudin

AYER KEROH – “Walau-pun tidak dapat beraya bersama keluarga, namun saya seronok dapat kenalan baharu di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) MITC”.

Itu luahan pesakit COVID-19, Siti Zulaikha Hashim, 28 yang bangun seawal jam 5.30 pagi pada 20 Julai lepas untuk bersiap menyambut Hari Raya Aidiladha di PKRC tersebut.

“Kawan-kawan sama tempat kerja pun ada di sini, jadi tak lah rasa bosan sangat dan bertambah seronok bila dapat kenalan baharu.

“Punya seronok sampai-kian saya siap pakai baju kurung, lepas tu dengar gema



SITI Zulaikha



SITI Zulaikha (kiri) bersama ‘rakan baharu’ di PKRC MITC ketika menyambut Aidiladha secara sederhana di pusat tersebut, pada 20 Julai lepas. Foto Ihsan Siti Zulaikha

tersebut.

“Memanglah perasaan sedih tu ada, tapi bila ada kawan-kawan, suamu pun ada

telefon awal pagi menerusi panggilan video ucapan hari raya, redalah sikit rasa sayu tu.

“Lagi seronok bila jurura-

wat di sini juga bagi kelongan-garan pada kami untuk mela-ram baju raya.

“Kami pun disediakan

kuih raya, nasi himpit, kuah kacang dan rendang untuk dinikmati bersama pesakit di sini,” katanya.

“ Kami pun disediakan kuih raya, nasi himpit, kuah kacang dan rendang untuk dinikmati bersama pesakit di sini. ”

Bawa isteri OKU teman jual bola golf



JAAPAR ditemani isterinya, Arnizah yang juga seorang OKU ketika berniaga bola golf di tepi jalan berhampiran Tiara Golf and Country Club, Bemban.

BEMBAN – “Jika memang ditakdirkan saya berniaga bola golf sampai akhir hayat, saya sanggup kerana inilah mata pencarian untuk menampung keperluan hidup setiap hari.”

Itu luahan Jaapar Leman, 66, yang terpaksa membawa isteri Arnizah, 47, yang juga orang kurang upaya (OKU) berniaga di tepi jalan berhampiran Tiara Golf and Country Club, Gapam, di sini.

Biarpun terpaksa mengharungi keperitan hidup, namun atas minat yang mendalam terhadap sukan golf, Jaapar tidak pernah mengeluh berniaga selama 25 tahun pada setiap hari di kawasan itu.

“Laku ke tidak saya tetap berniaga dari jam 8 pagi hingga 4 petang dan terpaksa bawa isteri bersama kerana risau akan keadaannya.

“Pernah sekali bulan lalu hanya satu beg bola golf yang dijual dengan harga RM30.

“Itupun pelanggan yang singgah bei atas dasar simpati dengan nasib hidup saya,” katanya ditemui Melaka Hari Ini (MHI).

Jaapar berkata, dia mendapat bekalan bola golf daripada kelab golf berdekatan yang sudah digunakan oleh pemain golf.

“Saya dapat stok dari tempat golf di sini juga, mereka jual bola yang dah digunakan pada saya dan saya bawa balik untuk cuci bersih-bersih sebelum menjualnya semula.

“Setiap hari saya bawa 100 beg bola golf untuk dijual, jika laku dapat la untung satu beg RM5 hingga RM8, jika tidak pulang dengan rezeki mana seadanya.

“Harga bagi setiap satu pek bola golf bermula dari RM10 hingga RM50 yang di dalamnya ada 10 atau 12 biji bola golf,” katanya lagi.

Tambahnya, biarpun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, namun dia tidak pernah berputus asa terus berniaga walaupun tiada pelanggan yang singgah.

“Bila PKP, kelab golf tidak boleh dibuka, jadi memang tiada orang yang beli, tapi saya terus berniaga kerana percaya pada rezeki.

“Lagi pun saya kena bayar sewa rumah sewa RM300 sebulan dan tidak boleh mengharapkan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk isteri yang OKU.

'The Pocket Rocketman' kian bersemangat

SEMANGAT jaguh berbasikal trek Datuk Mohd Azizulhasni Awang kini semakin membara untuk mencipta sejarah membawa pulang pingat emas pertama Malaysia di Sukan Olimpik Tokyo yang berlangsung pada 23 Julai hingga 8 Ogos.

Ia selepas juara dunia keirin 2017 itu mendapat motivasi tambahan menerusi penganugerahan Darjah Kebesaran Dato' Paduka Mahkota Terengganu (DPMT) yang membawa gelaran Datuk.

Pelumba berusia 33 tahun yang terkenal dengan julukan 'The Pocket Rocketman' itu adalah antara enam individu termasuk Pengarah Kesihatan Negeri Ter-

engganu Dr Nor Azimi Yunus yang dikurniakan darjah kebesaran oleh Sultan Terengganu Sultan Zainal Abidin baru-baru ini.

"Pengurniaan ini sesungguhnya akan patik jadikan sebagai sumber motivasi untuk beraksi dengan cemerlang di temasya Sukan Olimpik Tokyo dan merealisasikan impian membawa pulang pingat emas pertama untuk Malaysia," katanya menerusi ciapan di akaun Twitternya.

"Terima kasih kepada pihak Istana Negeri Terengganu dan juga Kerajaan Negeri Terengganu serta pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Saya

berharap semua terus mendoakan kejayaan saya di Sukan Olimpik Tokyo nanti. Terima kasih semua," katanya.

Mohd Azizulhasni bersama seorang lagi atlet berbasikal trek Muhammad Shah Firdaus Sahrom berlepas ke Tokyo pada 25 Julai lalu, mengambil bahagian dalam acara keirin dan pecut individu bermula 4 Ogos ini.

Mohd Azizulhasni melakar sejarah tersendiri apabila menjadi atlet berbasikal trek pertama negara memenangi pingat di Olimpik selepas berjaya merangkul pingat gangsa dalam acara keirin pada Sukan Olimpik 2016 di Rio de Janeiro, Brazil.- BERNAMA



AZIZULHASNI berharap semua pihak mendoakan kejayaannya dalam Sukan Olimpik Tokyo.



PENG Soon (belakang) dan Liu Ying (hadapan) tekad mahu memenangi emas untuk kem negara.

Misi tamat kemarau emas

BEREGU campuran profesional negara Chan Peng Soon-Goh Liu Ying berazam mengakhiri penantian kilauan emas di Sukan Olimpik Tokyo 2020 yang dijadual membuka tirainya 23 Julai.

Liu Ying bertekad untuk membanggakan negara sekiranya dapat memenangi pingat emas sulung pada penampilan ketiga gandingan itu di Olimpik selepas London 2012 dan Rio 2016.

Pemenang pingat perak pada edisi di Rio 2016 itu selamat tiba di Tokyo 18 Julai lepas.

"Memenangi emas dalam Sukan Olimpik akan memberi kegembiraan tidak terhingga sepanjang karier saya dan tidak mampu bertahan selama ini tanpa sokongan berterusan daripada seluruh peminat yang menaruh kepercayaan kepada kami," kat-

anya dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh penajanya, Yobick, hari ini.

Dalam pada itu, Peng Soon berkata mereka akan menampilkan persembahan terbaik setiap kali turun ke gelanggang di Musashino Forest Sport Plaza located di Chōfu, Tokyo.

Yobick adalah jenama minuman berdasarkan yogurt keluaran Jepun.

Gandingan tersebut menjadi duta produk Yogurt sejak 2019.

Di Tokyo, Peng Soon-Liu Ying diundi dalam Kumpulan D bersama gandingan China, Wang Yilyu-Huang Dongping; Tang Chun Man-Yse Ying Suet (Hong Kong) dan Mark Lamsfuss-Isabel Herttrich dari Jerman.- BERNAMA

Kejohanan Hoki Piala Sultan Johor ditangguh

KEJOHANAN Hoki Piala Sultan Johor edisi ke-10 yang dijadualkan berlangsung pada September tahun ini dengan disertai lapan negara di Stadium Hoki Taman Daya, di sini, ditunda sekali lagi berikutan peningkatan kes pandemik COVID-19.

Presiden Persatuan Hoki Johor Datuk Majid Manjit Abdullah berkata kejohanan itu bagaimanapun dijangka dapat diadakan awal tahun depan.

"Kejohanan sepatutnya berlangsung September ini, jadi kami kena buat keputusan dan maklumkan kepada negara-negara berkenaan untuk membatkannya disebabkan pandemik COVID-19.

"Tarikh baharu (kejohanan) dijangka pada awal tahun depan iaitu sama ada Januari atau Februari," katanya yang dihubungi Bernama baru-baru ini.

Beliau berkata lapan negara yang telah mengesahkan penyertaan bagi edisi ke-10 itu adalah Malaysia, India, Australia, Great Britain, Jepun, Afrika Selatan, Mesir dan Kanada.

"Kesemua negara ini telah mengesahkan penyertaan sejak April lagi dan terdapat tiga negara yang pertama kali menyertai kejohanan ini iaitu Mesir, Kanada dan Afrika Selatan," katanya.

Kejohanan Hoki Piala Sultan Johor edisi ke-10 sebelum ini dijadualkan berlangsung dari 3 hingga 10 Oktober tahun lepas, namun pada 3 Jun tahun lepas kejohanan itu dilaporkan ditangguhkan September tahun ini selepas pihak pengangur mengambil kira keadaan pandemik COVID-19 yang melanda negara dan dunia.



MAJID

- BERNAMA

'THE POCKET
ROCKETMAN' KIAN
BERSEMANGAT

• Lihat muka 23 >>



Sukan

MELAKA HARIINI



KEJOHANAN HOKI PIALA SULTAN JOHOR
DITANGGUH

• Lihat muka 23

FARAH Ann
Abdul Hadi

LEE Zii Jia

DATUK Azizulhasni Awang

Penantian emas pertama Malaysia

PEMBURUAN pingat emas Sukan Olimpik pertama negara diteruskan di bumi Tokyo pada temasya sukan terbesar dunia itu yang dijadual membuka tirai saingan bermula 23 Julai hingga 8 Ogos depan.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican baru-baru ini mengumumkan kontinjen Malaysia ke Sukan Olimpik Tokyo 2020 diletakkan sasaran untuk meraih tiga pingat dengan satu daripadanya emas.

Secara realistiknya, Reezal Merican berkuat sukan badminton, berbasikal trek dan terjun menjadi sandaran utama untuk melaksanakan misi di Tokyo sekali gus membawa pulang pingat emas sulung yang ditunggu-tunggu.

Beliau berkata sasaran itu mengambil kira pandangan dari pelbagai pihak juga sebagai simbolik kepada ikatan antara rakyat dengan barisan atlet kebangsaan yang berjuang mengharungi cabaran sengit demi mengharumkan nama negara.

"Mereka (atlet) tidak memerlukan tekanan yang berlebihan, tetapi mereka juga tidak mahu dinafikan (kemampuan), ada dalam ka-

langan mereka yang benar-benar mempunyai kesungguhan dan telah menyatakan iltizam ingin mencapai dan menggapai impian membawa pulang pingat.

"Kalau ambil pertimbangan antara kedua-dua, saya juga tidak nafikan kesungguhan ada dalam kalangan atlet yang benar-benar mahu menjadi antara penyebab kepada rasa gembira rakyat Malaysia dengan pulangnya membawa pingat emas pertama," katanya pada sidang media secara maya baru-baru ini.

Terdahulu Reezal Merican mempengaruhi mesyuarat Lembaga Pengurusan Majlis Sukan Negara (MSN) secara dalam talian.

Pada edisi Sukan Olimpik 2016 di Rio de Janeiro, Brazil, tiada sebarang sasaran spesifik diletakkan buat kontinjen negara namun Malaysia berjaya membawa pulang empat pingat perak dan satu gangsa.

Pada Olimpik kali ini, Malaysia akan diwakili oleh 30 atlet yang akan beraksi dalam 27 acara meliputi 10 jenis sukan.

Pada masa sama, Reezal Merican turut mengumumkan sasaran tiga pingat emas buat kontinjen Malaysia ke Sukan Paralimpik Tokyo sekali gus menyamai pencapaian pada edisi

2016 di Rio de Janiero.

"Sandaran pada sukan olahraga para, powerlifting, badminton dan memanah yang diharap dapat menghasilkan momentum dan prestasi cemerlang di Tokyo," katanya sambil mengesahkan seramai 22 atlet para negara telah melayukkan diri ke Sukan Paralimpik Tokyo dijadual bermula 24 Ogos hingga 5 September ini.

Sementara itu, Reezal Merican melihat keputusan meletakkan sasaran kepada kontinjen negara di Sukan Olimpik adalah sebagai satu cara membala kesungguhan ditonjolkan barisan atlet negara yang memiliki misi berbeza di Tokyo.

Beliau berkata terdapat dalam kalangan atlet negara yang secara peribadi berjumpsa dengannya dan meminta untuk diletakkan petunjuk prestasi utama (KPI) pada temasya sukan tersebut.

Sementara itu, Reezal Merican tanpa mendedahkan angka mengakui perbelanjaan negara dalam mempersiapkan atlet menghadapi temasya Sukan Olimpik dan Paralimpik berada pada tahap rendah jika dibandingkan dengan negara lain. - BERNAMA

Harapan buat sukan terjun, badminton dan berbasikal

SETIAUSAHA Agung Majlis Olimpik Malaysia (MOM) Datuk Mohd Nazifuddin Najib berharap sukan seperti terjun, badminton, berbasikal trek terus menyumbang pingat buat Malaysia pada Sukan Olimpik.

Pada Rio 2016, Malaysia meraih tiga pingat perak dalam sukan badminton, satu perak (terjun) dan satu gangsa (berbasikal), ia pencapaian terbaik dalam Olimpik setakat ini.

Malah, Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican baru-baru ini berkata sukan berkenaan mewakili aspirasi utama negara untuk membawa pulang pingat emas Olimpik.

Temasya Olimpik Tokyo yang secara rasmi bermula 23 Julai itu, Mohd Nazifuddin berkata jika atlet daripada tiga sukan berkenaan membawa pulang pingat dari Tokyo, Jepun, ia akan menjadi petunjuk bahawa mereka telah mencapai tahap kematangan dalam sukan.

"Saya gembira sekiranya mereka dapat pulang bersama pingat, dan saya berharap mereka akan terus menyumbang kepada pungutan pingat pada Sukan Olimpik," katanya menerusi video yang dikongsikan kepada media baru-baru ini.

Bagaimanapun, oleh kerana persaingan menjadi semakin sukar Mohd Nazifuddin tidak menolak kemungkinan sukan lain akan muncul lebih baik dan kuat pada masa hadapan.

Sementara itu, beliau berkata peranan yang mencabar digalas setiap ketua kontinjen (CDM) untuk Olimpik Tokyo berikutnya pandemik COVID-19.

"Semua perlu dilakukan secara maya. Saya rasa ini adalah proses pembelajaran untuk semua. Temasya kali ini bersejarah kerana Sukan Olimpik akan diadakan di tengah-tengah pandemik," katanya.

Mohd Nazifuddin menguruskan atlet di Tokyo dan membantu ketua kontinjen Malaysia Datuk Lee Chong Wei dari sana, kerana Chong Wei tidak dibenarkan melakukan perjalanan kerana masalah kesihatan.

Chong Wei akan melakukan tugasnya dari tanah air menerusi interaksi secara dalam talian dengan atlet dan pegawai di Jepun.

Sebanyak 30 atlet akan mewakili Malaysia dalam 27 acara merangkumi 10 sukan di Olimpik Tokyo. - BERNAMA



BARISAN atlet terjun negara ketika tiba di Dryland & Pool di Tokyo Aquatics Center, baru-baru ini. Foto Sumber FB Majlis Sukan Negara Malaysia